

# 2 Timotius

## Fokuslah Pandangan Anda Pada Garis Akhir

“Aku telah mengakhiri pertandingan yang baik,  
aku telah mencapai garis akhir dan aku telah  
memelihara iman.” (2 Timotius 4:7)

---



Evelyn Tan Hwee Yong & Asok Nam M.H.  
Siri Air Hidup

**Tajuk buku:** 2 Timotius (Fokuslah Pandangan Anda Pada Garis Akhir)

**Penulis-Penulis:** Asok Nam M.H. (DMin calon, Fuller Seminary), Evelyn Tan Hwee Yong M.A. Th(SAAT), M. Hsc. (University Islam), DMin (calon STM)

**Penyunting:** Evelyn Tan Hwee Yong  
**Kulit buku dan rekabentuk:** Kee Hup Thong

Projek antara Percept Institute (Korea Selatan) dan Upstream Publishing

**Dicetak oleh:** Jess Concept  
ISBN:978-89-8475-982-4

**Hakcipta:** Upstream Publishing  
rhapsodyup78@gmail.com

Semua kutipan Alkitab diambil daripada Lembaga Alkitab Indonesia 2008.

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan, mana-mana bahagian bab, isi kandungan buku ini dengan apa jua bentuk dan dengan cara apapun, sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis dari penerbit Sword Publishing House, Petaling Jaya, Malaysia.

# Kandungan

<b>PENDAHULUAN</b>	4
<b>BAB 1</b> Jagalah Injil (2 Timotius 1-4)	9
<b>BAB 2</b> Malu Akan Injil? (2 Timotius 1:1-12)	13
<b>BAB 3</b> Mohonlah Kepada Orang-Orang Yang Dapat Dipercayai (2 Timotius 1:12-2:2)	18
<b>BAB 4</b> Jenis Orang Kristian Yang Dapat Dipercayai (2 Timotius 2:1-10)	24
<b>BAB 5</b> Pekerja Yang Berkenan Kepada Tuhan (2 Timotius 2:11-18)	30
<b>BAB 6</b> Bekas Yang Bersih (2 Timotius 2:19-26)	36
<b>BAB 7</b> Berpeganglah Pada Injil (2 Timotius 3:1-17)	41
<b>BAB 8</b> Beritakanlah Injil (2 Timotius 3:15-17)	46
<b>BAB 9</b> Teladan Kehidupan Paulus (2 Timotius 4:1-22)	52
<b>PANDUAN PEMBIMBING</b>	58

# Pendahuluan

Buku 2 Timotius yang ditulis untuk memenuhi pengajaran 'Pengajian Alkitab Berkelompok' merupakan buku pertama dalam Siri Air Hidup yang diterbitkan oleh Sword Publishing House. Anda juga boleh menggunakan buku ini untuk pengajian Alkitab peribadi di kapal terbang atau sewaktu menghirup kopi di kopi tiam. 2 Timotius sungguh sesuai untuk perkembangan semasa dan bertujuan menggalakkan umat Tuhan untuk bertanding di tengah-tengah deruan angin dan ombak di Malaysia dengan memberi fokus kepada garis akhir dan Tuhan Yesus yang memberi kasih karunia.

## CARA MENGGUNAKAN BUKU INI

### 1. Kaedah Induktif

Buku ini ditulis berdasarkan 'Kaedah Induktif.' 'Kaedah Induktif' bermula daripada teks pengajian 2 Timotius. Cara ini sangat mementingkan renungan teks ini sendiri secara mendalam terlebih dulu. Di samping memperhatikan teks dengan teliti, ia juga mementingkan tafsiran yang tepat dan penerapannya dalam kehidupan rohani.

### 2. Proses Pembelajaran

- Baca seluruh 2 Timotius bersama dengan kelompok anda supaya mereka mendapat tema dan isi kandungan kitab sekilas pandang.
- Pemimpin memimpin satu pujian lalu berdoa agar Tuhan bersabda sehingga setiap pelajar mengerti rahsia 2 Timotius.
- Selepas membaca pendahuluan, pimpinlah para peserta dengan melontarkan pertanyaan interaksi kepada peserta.
- Sila bagi masa yang cukup untuk berbincang setiap soalan.
- Bahagian pendahuluan setiap bab memberi pengenalan terhadap perenggan 2 Timotius yang akan diselidiki.
- Amanat memuat perintah atau hal penting yang perlu dipertimbangan untuk pelaksanaan kita.
- Ciri-ciri khas adalah unsur-unsur yang ingin ditonjolkan oleh penulis untuk perhatian dan pengetahuan pelajar-pelajar serta memperkaya akan teks yang diselidiki.

### 3. Penilaian Pembimbing Kelompok

- Adakah saya setia pada teks dan soalan-soalan asas?
- Adakah saya menggunakan hikmat Tuhan untuk memahami firman-Nya dan membuat penerapan yang sesuai?
- Adakah saya telah memimpin dan mendorong pelajar-pelajar kelompok untuk menyumbang?
- Adakah saya terlalu banyak bercakap atau kurang bercakap sebagai pembimbing kelompok?
- Adakah persiapan saya cukup mantap?
- Adakah saya berdoa untuk pelajar-pelajar saya?
- Adakah saya menggalakkan anggota kelompok saya untuk menyumbang dengan cergas?
- Adakah saya menjadi teladan kepada kelompok saya khususnya dalam hal menerapkan 2 Timotius dalam kehidupan saya?

### 4. Cadangan Untuk Pelajar-Pelajar Kelompok

- Baca seluruh kitab 2 Timotius dan bab yang akan dibincang dalam 2 Timotius sebelum anda menghadiri pengajian Alkitab berkelompok.
- Jangan malu. Sumbangkan pendapat anda sewaktu pengajian Alkitab diadakan kerana penyumbangan anda sangat berharga dan pengalaman anda boleh menjadi bahan pembelajaran kepada kelas anda.
- Berusaha menyumbang sesuai dengan topik yang dikemukakan dan tetap berfokus.
- Berikan peluang kepada orang lain untuk berbincang dan bertolak ansur dengan jawapan orang lain.
- Jangan berpihak-pihak kerana pendapat kelompok anda mungkin berbeza.
- Datang dengan doa agar Tuhan bersabda kepada anda secara peribadi dan juga kepada kelompok anda.
- Selalu bertanya kepada diri sendiri, "Perbezaan apakah yang saya alami dalam kehidupan dan pelayanan saya setelah mengaji bab ini?"

## PROFIL PENULIS 2 TIMOTIUS

Penulis 2 Timotius yang bernama rasul Paulus telah dibesarkan dalam keluarga Yahudi yang ketat dan yang menjunjung hukum Taurat (Filipi 3:5). Dia berasal daripada suku Benyamin, orang Ibrani asli dan dilahirkan di sebuah bandar kecil, Tarsus. Tarsus terletak di perjalanan perdagangan dari Syria ke Asia Kecil. Paulus bukan hanya rakyat Taurus (Kisah Para Rasul 21:39) tetapi dia juga rakyat Rom (Kisah Para Rasul 22:27-28).

Dia menuntut di bawah seorang rabi yang terkenal, Farisi Gamaliel (Kisah Para Rasul 22:3; Galatia 1:14). Golongan Farisi telah mengkhususkan diri untuk hidup menurut hukum Musa tetapi Paulus telah berkemungkinan besar mengikut golongan yang lebih ketat dan rajin memelihara adat nenek moyangnya serta menegaskan bahawa setiap aspek daripada hukum harus pelihara.<sup>1</sup>

Apabila orang Yahudi memberitakan Tuhan Yesus sebagai Mesias, golongan Farisi menentangnya dengan marah. Paulus telah mengetuai penentangan terhadap orang Kristian di Yerusalem (Kisah Para Rasul 22:4; 7:58; 8:3). Tuhan telah bertemu dengan Paulus sewaktu dia berada dalam perjalanannya ke Damsyik untuk menganiayai orang Kristian, "Jawab Saulus: Siapakah Engkau, Tuhan?" Kata-Nya, "Akulah Yesus yang kau aniaya itu." (Kisah Para Rasul 9:5). Sebelum Paulus mengenal Tuhan Yesus, nama asalnya ialah Saulus.

Setelah bertemu dengan Tuhan Yesus, Saulus bertukar daripada seorang Farisi kepada seorang pengikut Kristus yang setia. Dia bergabung dengan orang Yahudi lain dalam penginjilan dan kemudian menukarkan namanya kepada Paulus setelah diutus oleh Tuhan kepada orang kafir.

## MISIONARI PAULUS

Paulus meluangkan sepuluh tahun berkhotbah di Kilikia dan Siria bersama dengan orang Yahudi yang berbahasa Yunani (Galatia 1:21). Gereja di Antiokhia mengutus Paulus dan Barnas untuk menginjili di Siprus, Perga, Pafos, Antiokhia, Derbe, Ikonium, Listra dan kemudian ke Antiokhia lagi (Kisah

<sup>1</sup> F.F. Bruce, *Paul: Apostle of the Heart Set Free* (Grand Rapids, Michigan: William B. Eerdmans Publishing Company, 1956), hal.50-51.

Para Rasul 13:1-14, 2 Timotius 3:11). Di Listra, mereka hampir terbunuh oleh sekelompok orang tetapi mereka sempat memenangi beberapa jiwa, di kalangan mereka adalah Lois dan anak perempuannya, Eunise dan anak lelakinya, Timotius.

## PROFIL PENERIMA SURAT TIMOTIUS

Timotius sungguh diberkati kerana dia dilahirkan dalam keluarga Yahudi dan sejak kecil lagi dia sudah memperoleh hikmat dari Kitab Suci Yahudi (2 Timotius 3:15). Ibu Timotius, Eunise ialah seorang Yahudi sementara bapanya seorang Yunani (Kisah Para Rasul 16:1-3). Ketika nenek dan ibunya menjadi Kristian, Timotius juga bertumbuh bersama mereka dan menjadi seorang Kristian yang dihormati oleh orang lain. "Timotius ini dikenal baik oleh saudara-saudara di Listra dan Ikonium" (Kisah Para Rasul 16:2). Apabila Paulus kembali ke gereja-gereja di Galatia, dia berkeputusan mengambil Timotius bersamanya dalam pelayanan.

Sebelum Paulus meninggalkan kota kelahiran Timotius, dia memanggil para tua-tua untuk menopang tangan dan mengutus Timotius dalam pelayanan (2 Timotius 1:6).

## PENGINJILAN PAULUS DAN TIMOTIUS

Bersama dengan Paulus, Timotius telah menginjili dari Asia ke Makedonia dan Akaia dan menghadapi banyak cabaran seperti pemenjaraan lalu diadili di mahkamah jenayah (Kisah Para Rasul 16:6-19:21). Timotius juga dipercayakan untuk menangani gereja Korintus yang berpecah belah serta dilandai dosa yang tidak bermoral.

Paulus kemudian bergabung dengan Timotius di Makedonia dan dari sana, dia ke Yerusalem lalu ditahan. Setelah ini, Timotius kemungkinan besar melayani di tempat lain dan pada waktu Paulus menulis kepadanya, dia berada di Efesus (1 Timotius 1:3).

Paulus dibebaskan pada 62 SM namun dia dimasukkan lagi dalam penjara pada 65 SM. Kini, pemenjarannya bukan di rumah tetapi di penjara dan dia dirantai pada dinding serta diperlakukan sebagai seorang penjahat. Paulus telah menulis 2 Timotius sebelum dia dijatuhkan hukuman maut.

## PENDERITAAN DI BAWAH NERO

Raja Nero yang telah menyalahgunakan kekayaan kerajaannya demi keseronokan sendiri akan menghadapi amarah daripada Senat. Dengan segera, baginda telah menjadikan orang Kristian kambing hitamnya. Apabila api terjadi di kota Rom, Raja Nero menuduh orang Kristian yang melakukannya padahal bagindalah yang disyaki. Penduduk Kristian Rom yang telah dikambing hitamkan oleh Raja Nero telah dilemparkan ke dalam gelanggang binatang. Paulus yang telah menjadi sasaran raja Nero telah ditangkap pada 65 SM.

# BAB 1

## Jagalah Injil

Teks: 2 Timotius 1-4  
Ayat kunci: 2 Timotius 1:14

“Peliharalah harta yang indah, yang telah dipercayakan-Nya kepada kita, oleh Roh Kudus yang diam di dalam kita.”

## PENDAHULUAN

Kedahsyatan Firman Tuhan dalam Surat Timotius yang kedua mendebarkan hati saya. Kata-kata rasul Paulus yang terakhir ini mempunyai erti yang mendalam bagi Timotius dan saya. Saya dapat membayangkan penjara yang basah dan gelap sewaktu rasul Paulus menulis surat ini kepada Timotius, anak rohaninya yang dikasihi. Kini, Paulus sedang menempuh pusingan terakhir dalam pertandingannya dan misinya hampir selesai. Apakah kerinduan hatinya untuk anak rohaninya dan gereja?

Timotius yang bertanding bersama Rasul Paulus akan menerima batonnya dan meneruskan pertandingan dengan setia lalu dia akan memberi baton ini kepada orang lain yang setia.

1. Surat ini bukan dicatat untuk Timotius sahaja tetapi juga untuk kita pada zaman sekarang. Baca seluruh Surat 2 Timotius (bab 1-4). Pada waktu anda membaca surat ini, bayangkan surat ini baru tiba di tangan anda lalu bacanya. Sekalipun surat ini panjang sedikit, bacanya dengan berminat dan penuh perasaan.

2. Tulislah perasaan anda selepas membaca 2 Timotius.

---

3. Jelaskan perasaan dan pandangan Paulus terhadap Timotius? (2 Timotius 1:1-2)

---

4. Di manakah Paulus ketika dia menulis surat ini? (2 Timotius 1:16, 2:9)

---

5. Jelaskan situasi yang dialami oleh Paulus pada waktu dia menulis surat ini. (2 Timotius 4:6-8).

---

6. Apakah tujuan Paulus menulis surat ini kepada Timotius? Bacalah kalimat yang paling bermakna dalam setiap bab di bawah ini, selepas itu tuliskan apa yang diminta oleh Paulus daripada Timotius.

a) 2 Timotius 1:8, 14

---

b) 2 Timotius 2:9, 15

---

c) 2 Timotius 3:13, 14

---

d) 2 Timotius 4:1, 2

---

7. Bacalah petikan di bawah ini untuk mengetahui lebih banyak tentang latar belakangnya sewaktu rasul Paulus menulis surat ini kepada Timotius. Tulis beberapa hal yang menarik perhatian anda.

---

**CIRI-CIRI KHAS:** Selama 30 tahun, Rasul Paulus telah memberitakan Injil dengan bersungguh-sungguh, dan dia telah menguatkan pelayanan Injil. Sebenarnya, dia telah mengakhiri pertandingan yang baik serta mencapai garis akhir serta memelihara imannya dengan teguh (2 Timotius 4:7). Sekarang dia menunggu untuk dimahkotai sebagai tanda kemenangannya. Dia akan mati syahid namun dia akan menemui Allah yang memanggilnya.

Kaisar Nero yang menjadi orang Kristian sebagai kambing hitam telah menganiyai umat Tuhan dengan sedaya upaya. Nampaknya, dia nekad menghapuskan gereja. Pengkhianatan umat Tuhan semakin meningkat apabila penganiayaan bertambah serius (2 Timotius 1:15). Biskop Handley Moule menyatakan, "Agama Kristian yang tergoncang berada pada ambang kehancuran oleh daya manusia." Tetapi apakah ini akan terjadi dan apakah Paulus mengizinkan hal ini terjadi kepada gereja?

8. Fikirkan apa yang berada dalam benaknya ketika Paulus menulis 2 Timotius. Perkara itu juga sama dengan nada hati Allah. Tahukah anda tentang isi hati Tuhan yang bersabda kepada kita melalui 2 Timotius? Tulislah tentang isi hati Paulus, iaitu juga hati Tuhan yang berkaitan dengan Injil dalam 2 Timotius.

---

9. Perkara apakah yang Paulus paling menitikberatkan untuk masa depan gereja? (2 Timotius 1:13-14)

---

10. Apakah rancangan Paulus untuk mencapai 2 Timotius 2:2?

11. Anggota-anggota gereja yang beriman kepada Kristus Yesus mungkin menjalani kehidupan mereka seakan-akan mereka tidak ada kaitan langsung dengan Injil. Mereka mungkin berfikir penginjilan hanya dilakukan oleh pastor-pastor sahaja. Apakah tanggungjawab anda terhadap Injil? Jawablah ayat-ayat yang dicatat dalam 'soalan 6' untuk rujukan anda.

### AMANAT

Biskop Handley Moule mengakui bahawa "Sewaktu saya membaca 2 Timotius saya menitis airmata." Rasul Paulus yang sudah beruban terbelenggu dalam penjara di bawah tanah yang gelap dengan hanya ada satu lubang di atas bahagian atapnya.

Dia sedang menunggu sidang pengadilan terakhir. Dia tahu kemungkinannya untuk dibebaskan sangat tipis, dan hanya kematian menunggunya. Walau bagaimanapun, kecemasan menggebu dalam hatinya, "Kalau saya meninggalkan dunia seperti ini, bagaimanakah masa depan Injil? Kepada siapakah saya harus berikan baton Injil ini?" Dia telah memutuskan menulis sepucuk surat kepada Timotius, anak yang dikasihi dalam iman, murid, dan rakan seperjuangan Injil.

Kini, surat ini dipegang dalam tangan anda. Kita tinggal pada masa yang genting dan amanat surat yang diberikan rasul Paulus dalam 2 Timotius harus kita perhatikan dengan serius. Kita tetap pelihara Injil di tengah-tengah penganiayaan dan cabaran tanpa perasaan takut.

Tuhan sedang mencari orang yang rela ikut menderita untuk Injil dan yang rela mengajar kebenarannya dengan terus terang. Sudah siapakah anda menerima baton Injil?

## BAB 2

# Malu Akan Injil?

Teks: 2 Timotius 1:1-12  
Ayat kunci: 2 Timotius 1:8

"Jadi janganlah malu bersaksi tentang Tuhan kita dan janganlah malu kerana aku, seorang hukuman kerana Dia, melainkan ikutlah menderita bagi Injil-Nya oleh kekuatan Allah."

### PENDAHULUAN

Injil adalah khabar baik tentang penyelamatan. "Penyelamatan" adalah perkataan yang mencakupi pengertian yang luas dan ungunya meliputi banyak hal daripada Tuhan. Penyelamatan tercapai bukan melalui perbuatan kita melainkan anugerah Tuhan yang diberi kepada kita dalam Kristus Yesus.

Kristus Yesus mematahkan kuasa maut yang mengikat kita. Kematian dan kebangkitan-Nya di kayu salib memberi kita hidup yang tidak dapat dibinasakan. Makna Injil dinyatakan dalam 2 Timotius 2:9,10. Malukah kita akan Injil yang begitu berkuasa?

1. Jawablah soalan di bawah selepas membaca 2 Timotius 1:1-12. Jelaskan perhubungan antara Paulus dan Timotius? Tulislah apa yang anda fahami dalam teks tentang perhubungan rapat mereka.

2. Pada pendapat anda, apakah sifat-sifat yang dimiliki oleh Timotius?

---

### MENGOBARKAN (MENGGUNAKAN) KARUNIA

3. Bilakah Timotius mendapat karunia itu? (1 Timotius 4:14; 2 Timotius 1:6)

---

4. Mengapa Timotius tidak mengobarkan (menyemarakkan atau menggunakan) karunia itu? Selepas anda mencari ayat-ayat dan membaca di bawah, tulish pendapat anda mengenai maksud "Timotius tidak mengobarkan karuniannya." (Nota kaki : Erti mengobarkan menyemarakkan api atau menggunakannya)

a) 1 Korintus 16:10; 2 Timotius 1:7

---

b) 1 Timotius 5:23

---

c) 1 Timotius 4:12; 2 Timotius 2:22

---

d) 2 Timotius 4:3-6

---

e) 2 Timotius 1:8, 2:3

---

5. Bagaimana Paulus mendorong Timotius untuk menggunakan karuniannya? Apakah yang diberikan Allah kepada kita? Tulish di bawah (2 Timotius 1:7)

a) Kekuatan -

---

b) Kasih -

---

c) Ketertiban -

---

6. Selepas membaca pertanyaan di bawah, jawablah secara nyata.

a) Pada pendapat anda, apakah karunia anda? Bagaimana anda mendapat karunia itu?

---

b) Adakah karunia itu perlu dihidupkan? Kalau ya, mengapa anda tidak mengobarkan (menghidupkan) karunia itu? Apakah alasannya?

---

### JANGANLAH MALU DAN IKUTLAH MENDERITA

7. Dalam bab 1, kata "tidak malu" digunakan tiga kali. Selepas membaca ayat-ayat di bawah, catatlah tentang perasaan orang-orang ini terhadap Injil. Siapa yang malu dan siapa yang tidak malu. Kenapa?

	Siapa	Apa	Mengapa
2 Timotius 1:8			
2 Timotius 1:12 (Juga bacalah 1:9-11)			
2 Timotius 1:16			

8. a. Kenapakah Timotius yang begitu erat perhubungannya dengan Paulus merasa malu akannya?

---

b. Kenapakah perasaan malu akan Paulus hampir sama dengan merasa malu akan Injil?

---

9. Bacalah 2 Timotius 1:8-12. Paulus mengusulkan kepada Timotius "Janganlah malu dan ikutlah menderita bagi Injil-Nya" lalu dia menyarankan nasihatnya. Apakah yang kita boleh belajar daripada perkataan dan perbuatan Paulus?

---

10. Pernahkah anda berasa malu sebagai seorang Kristian? Pernahkah anda merasa malu terhadap Injil? Ceritakan pengalaman dan perasaan anda sewaktu menyampaikan injil? Mengapakah kita tidak boleh malu akan Injil?

---

11. Apakah yang pernah anda lakukan untuk Injil di tempat kerja anda mahupun di kalangan kawan-kawan anda? Jelaskan pengalaman anda untuk mendorong pelajar-pelajar lain.

---

### AMANAT

Paulus selalu teringat akan Timotius dalam doa permohonannya baik siang mahupun malam. Dia teringat iman Timotius yang tulus ikhlas serta mengucap syukur kepada Tuhan namun dia juga teringat Timotius tidak mengobarkan (menggunakan) karunia Tuhan. Paulus mengingatkan Timotius bahawa Roh yang telah diberikan oleh Tuhan kepadanya menjadikannya tidak takut, sebaliknya Roh Tuhan melengkapi dia dengan kuasa, kasih, ketertiban dan semangat menahan diri. Dia tidak perlu merasa malu akan Injil dan menggunakan karuniannya.

Saudara-saudari yang dikasihi!

Tahukah anda ada seorang sahabat juga selalu mengingat kita dalam doa permohonan-Nya, baik siang mahupun malam? Sahabat yang mengambil berat kerana kita belum mengobarkan (menggunakan) karunia kita ialah Yesus Kristus. Dia sudah menderita tetapi Dia tidak malu memberitakan Injil-Nya sehingga Dia meletakkan nyawa-Nya. Dia tidak hanya menyerahkan Injil-Nya kepada Paulus dan Timotius tetapi juga kepada kita. Dia memberikan segala sesuatu yang berguna untuk hidup kudus serta karunia, kekuatan, kasih, ketertiban serta dorongan untuk mengabarkan Injil.

"Serahkanlah segala sesuatu kepada-Ku!  
Berlarilah! Lari! Kabarkan Injil ini."

# BAB 3

## Mohonlah Kepada Orang-Orang Yang Boleh Dipercayai

Teks: 2 Timotius 1:11-2:2  
Ayat kunci: 2 Timotius 2:2

“Apakah yang telah engkau dengar daripadaku di depan banyak saksi, percayakanlah itu kepada orang-orang yang boleh dipercayai, yang juga cekap mengajar orang lain.”

### PENDAHULUAN

Satu generasi telah selesai dan bermulalah pula generasi yang lain dan injil akan dilanjutkan, baton harus diserahkan kepada orang yang setia. Demikianlah Injil-Nya diteruskan sampai kepada kita pada hari ini.

Bila-bila masa saja Tuhan boleh memilih orang-orang yang boleh dipercayai untuk meneruskan Injil. Injil dipelihara dan diteruskan dengan jujur oleh orang-orang yang boleh dipercayai dan yang bertanggungjawab. Mereka tidak semestinya seorang pahlawan seperti Paulus atau Timotius. Allah memerlukan orang-orang yang boleh dipercayai dan yang cekap mengajar orang lain sama ada dalam keluarga, tempat kerja, mahupun gereja kita. Gereja Malaysia sering diancam oleh pelbagai ajaran yang memesong mereka daripada Tuhan Yesus, satu-satunya jalan penyelamatan.

1. Jelaskan pengalaman Paulus sebagai guru Injil. (2 Timotius 1:11-18)

---

2. Mengapakah Paulus menceritakan pengalamannya kepada Timotius?

---

3. Keyakinan apakah yang memampukan Paulus tetap tidak tergoyang sebagai guru Injil sekalipun dia harus menghadapi cabaran-cabaran yang besar?

---

4. Bacalah 2 Timotius 1:11-2:2. Tulislah perintah yang diberikan Paulus kepada Timotius.

a) 2 Timotius 1:13 -

---

b) 2 Timotius 1:14 -

---

c) 2 Timotius 2:1 -

---

d) 2 Timotius 2:2 -

---

2. Apakah ciri-ciri umum perintah-perintah ini?

---

5. Dari sudut apakah Injil perlu dijaga pada hari ini di gereja kita?

---

6. Tulis tentang generasi yang telah dan yang akan meneruskan Injil (2 Timotius 2:2)

---

7. Baca 2 Timotius 1:11-2:2. Lengkapi jadual tentang siapakah orang-orang yang boleh dipercayai dan siapakah orang-orang yang tidak dapat dipercayai dalam teks ini. Siapakah mereka yang dapat dipercayai dan dalam hal apa? Siapakah mereka yang tidak dapat dipercayai?

	Siapa	Tentang apa	Bagaimana
Orang-orang yang dapat dipercayai			
Orang yang tidak dapat dipercayai			

8. Apakah yang anda belajar tentang orang-orang yang dapat dipercayai dalam teks? Apakah sifat orang-orang yang dapat dipercayai? Tulis tentang pelajaran daripada Paulus, Timotius, Onesiforus, dan lain-lain. Dari segi apakah yang telah ditaati oleh mereka? (seterusnya anda akan belajar tentang bab 2, anda akan melihat lagi ciri-ciri orang Kristian yang dapat dipercayai melalui teladan Paulus yang telah dinyatakan).

---

9. Baca 2 Timotius 1:12-14, 2:1-2 sekali lagi. Apakah hal-hal yang harus dilakukan oleh Timotius?

a) 2 Timotius 1:12 -

---

2 Timotius 1:13 -

---

2 Timotius 1:14 -

---

b) 2 Timotius 2:1 -

---

2 Timotius 2:2 -

---

10.a) Dalam segi apakah perlu anda taati?

---

b) Dalam segi apakah perlu anda tidak taati?

c) Apakah yang harus anda lakukan untuk dipercayai sebagai pekerja Injil?  
Fikirkan tentang perkara yang telah anda pelajari.

## CIRI-CIRI KHAS

Bagi rasul Paulus, Injil bukan hanya perkataan yang benar tetapi juga harta indah yang telah dipercayakan kepada kita dan perlu dijaga.

2 Timotius 1:14 diterjemahkan sebagai “Benda bagus yang dipercayakan kepada anda...” dalam KJV (King James Version). “Benda bagus yang dipercayakan kepada anda untuk dijaga...” AV (American Version). “Kebenaran telah dipercayakan kepada anda...” RSV (Revised Standard Version). “Lindungi benda bagus yang telah dipertanggungjawab kepada anda...” NEB (New English Bible). Injil digambarkan sebagai suatu harta yang indah, mulia dan luarbiasa, maka ia diserahkan kepada gereja untuk dijaga dengan selamat. Tuhan Yesus telah menyerahkannya kepada Paulus, dan sekarang Paulus perlu menyerahkannya kepada Timotius.

Timotius harus “menjaganya.” Paulus telah memberi pesanan yang sama dalam 1 Timotius 6:20 “...peliharalah apa yang telah dipercayakan kepadamu...” pada hujung Surat Timotius yang pertama. Dalam pesanan pertama, dia berkata pelihara apa yang telah dipercayakan, kini dia memesan, “Peliharalah harta yang indah...” (2 Timotius 1:14) dalam LAI (Lembaga Alkitab Indonesia). Kata kerja peliharalah atau jagalah digunakan dalam pengertian seperti menjaga istana daripada perompak-perompak dan pencuri. (Lukas 11:21)

Banyak ajaran sesat telah muncul untuk mencemari Injil dan menyerang harta mulia ini dari pelbagai jurusan. Timotius harus mengetahui akan keadaan ini dan menghadapi-Nya dengan kebenaran Firman Tuhan.

Sekarang bicaralah tentang diri anda sendiri yang juga dipercayakan Injil.

## AMANAT

Cerita berikut boleh dijadikan pelajaran mengenai orang yang taat di tengah-tengah kesulitan.

“Tragedi yang menyayat hati dalam sejarah manusia ini terjadi di Italia A.D. 79. Gunung berapi Vesuvius meletup, seluruh kota Pompeii terkubur. Selepas tragedi ini, orang ramai menggali kota Pompeii yang terkubur. Hasil penggalian itu menceritakan beberapa orang telah melarikan diri ke loteng, menaiki bumbung rumah untuk mengelakkan dari arus lahar gunung berapi. Banyak orang yang mati dan yang lain tertimbun lahar di ruangan bawah tanah.

Jejak-jejak kaki menunjukkan banyak orang berlari bertempiran dan berusaha menyelamatkan diri dari bencana gunung berapi. Satu bentuk yang mengharukan telah digali, iaitu pengawal tentera Rom. Dia meninggal dunia dalam keadaan berdiri, penampilannya tidak berubah-ubah, lengkap seraya memegang senjata dibandingkan dengan seluruh Kota Pompeii yang porak-poranda. Dia menjaga dengan tidak bergerak malah dia setia menjalankan tugas sampai saat terakhir.

Bagaimana pula dengan anda, sudikah dan setiakah anda menjaga dan memberikan Injil kepada generasi ini? Adakah anda akan tekun dan setia seperti Paulus dan pengawal tentera Rom ini? Adakah anda akan berlari atau mengubah Injil kerana takut dipenjarakan?

# BAB 4

## Jenis Orang Kristian Yang Dapat Dipercayai

Teks: 2 Timotius 2:1-10  
Ayat kunci: 2 Timotius 2:3-4

"Iktlah menderita sebagai seorang prajurit yang baik daripada Kristus Yesus. Seorang prajurit yang sedang berjuang tidak menyusahkan dirinya dengan soal-soal penghidupannya, supaya dengan demikian ia berkenan kepada komandannya."

### PENDAHULUAN

Paulus menggunakan lima perumpamaan untuk menggambarkan jenis orang Kristian yang dapat dipercayai. Dalam bahagian ini, kita akan belajar tentang tiga perumpamaan ini. Kita harus mendapat pelajaran rohani daripada setiap sudut perumpamaan ini. Fikirlah dengan mendalam tentang pelajaran yang ingin diberikan oleh Rasul Paulus kepada kita ketika dia membandingkan orang Kristian dengan sikap perajurit, olahragawan, dan petani.

1. Apakah perintah rasul Paulus kepada Timotius? (2 Timotius 2:1)

b. Mengapakah Timotius perlu mendengar hal ini?

2. Mengapakah perintah rasul Paulus dalam ayat 2 ini dikatakan sungguh berani memandangkan situasinya dan situasi politik pada waktu itu?

### SIKAP PERAJURIT YANG BAIK - PERUMPAMAAN 1

3. Pengalaman Rasul Paulus di penjara memberi dia peluang untuk membanding perajurit Rom dengan perjuangan orang Kristian sebagai perajurit rohani. Baca 2 Timotius 2:3-4 sambil memikirkan ayat-ayat yang dikatakan oleh Paulus. Kemudian jawab pertanyaan di bawah.

Bagaimanakah seorang perajurit Kristus Yesus yang baik harus bersikap?

**CIRI-CIRI KHAS:** Dalam 2 Timotius 2:4, Firman Tuhan menyatakan, "Seorang perajurit yang sedang berjuang tidak menyusahkan dirinya dengan soal-soal kehidupannya." Perkataan "menyusahkan" diertikan sebagai "mengusutkan." Seorang sarjana berkata bahawa kata ini bererti "jenis perajurit yang terhalang oleh kelep (lipatan kain) skirt."

4) Bagaimanakah rasul Paulus menjadi teladan? (2 Timotius 2:9)

5) Apakah yang harus diperjuangkan oleh perajurit Kristus Yesus. Jawab selepas membaca ayat-ayat bawah ini.

a. 1 Timotius 1:18 -

---

b. Efesus 6:12 -

---

6) Dari perumpamaan perajurit, tulis perkara-perkara yang dapat anda terapkan dalam kehidupan anda.

a. (2 Timotius 2:3)

---

b. (2 Timotius 2:4)

---

c. (1 Timotius 1:18; 6:12)

---

d. (2 Timotius 4:7)

---

## SIKAP OLAHRAGAWAN - PERUMPAMAAN 2

7. Perumpamaan kedua yang digunakan oleh Paulus untuk menjelaskan pekerja yang dapat dipercayai ialah seorang olahragawan. Selepas membaca ayat 5, tulis bagaimana seorang olahragawan harus berusaha untuk mendapat mahkotanya.

---

**CIRI-CIRI KHAS:** Sejak dunia kuno lagi, tidak kira apa jenis sukan sekalipun, tidak ada olahragawan menunjuk-nunjuk kekuatan atau kemahiran dengan sesuka hatinya. Semua sukan mempunyai peraturan olahraga tersendiri dan juga latihan persiapan pertandingan. Lagipun, dalam semua acara ada hadiah, dan hadiah-hadiah yang diterima oleh olahragawan Yunani bukan piala yang dibuat daripada perak atau pingat emas, tetapi mahkota laurel. Kalau seorang olahragawan tidak berolahraga 'mengikut peraturan-peraturan', sekalipun dia seorang olahragawan yang hebat, dia tetap tidak akan mendapat 'mahkota laurelnya'. Inilah tradisi generasi kuno.

8. Apakah peraturan-peraturan yang harus kita ikuti sebagai olahragawan rohani?

---

9. Apakah yang perlu diperhatikan oleh seorang olahragawan? Selepas anda membaca ayat-ayat di bawah, tulislah tentang perkara yang telah anda pelajari.

a) 1 Korintus 9:24-27

---

b) Ibrani 12:1-2

---

10. Berdasarkan perkara yang telah anda pelajari di atas, apakah yang masih belum anda lengkapi sebagai seorang olahragawan?

---

## SIKAP PETANI - PERUMPAMAAN

11. Bacalah 2 Timotius 2:6.

- a) Adakah anda mempunyai pengalaman berkaitan dengan pertanian? Fikirkan tentang usaha petani. Dalam ayat 6, perkataan 'bekerja keras' dalam bahasa Yunani ialah 'kapiao.' Perkataan ini bererti bekerja keras sampai habis kekuatan atau membanting tulang.
- 

- b) Apakah ganjaran yang dinikmati oleh seorang petani rohani yang bekerja keras iaitu seseorang yang rajin berjuang bagi Injil?
- 

- c) Adakah anda berusaha seperti seorang petani rohani? Adakah anda bertungkus lumus atau hanya berat tulang sahaja? Perlukah anda lebih bekerja keras dalam hal-hal yang tertentu?
- 

12. Apakah tiga galakan yang telah diberikan oleh rasul Paulus kepada Timotius yang tahan menderita dalam suasana yang susah? (2 Timotius 2: 8-10)
- 

## AMANAT

Seorang lelaki yang menyertai tentera, harus melepaskan semua barang kesayangannya, rambutnya digunting, dan pakaiannya ditukarkan dengan kelengkapan tentera. Dia perlu memberi ketaatan dan kesetiannya dengan sepenuh jiwa serta tidak mengambil berat tentang soal-soal kehidupan yang remeh temeh. Selain itu, dia harus bersiap sedia untuk berperang dengan tentera musuh. Demikian juga orang Kristian harus berusaha sedaya upaya kerana kita menyertai kehidupan tentera rohani dan tidak melilitkan diri dengan hal-hal yang remeh.

Seperti askar, kita tidak boleh menghindari perang rohani. Bersiaplah untuk menghadapi sebarang kesulitan selepas diperlengkap Firman Tuhan.

Dari sudut pandangan manusiawi, Paulus seakan-akan gagal kerana perlumbaannya sebagai olahragawan tidak diiktiraf oleh sesiapa pun. Dia berkata bahawa "semua mereka yang berada di daerah Asia Kecil" berpaling daripadanya (2 Timotius 1:15). Akhirnya, dia menderita kesengsaraan dan akan menempuh ajalnya.

Sebenarnya, dia pemenang kerana dia bertanding mengikut peraturan, dan akhirnya dia akan mendapat mahkota (2 Timotius 4:7-8). Kalau kita tidak hidup sesuai dengan Firman Tuhan, pelayanan kita tidak bererti. Yesus Kristus bersabda, "Pada hari menjelang kiamat, banyak orang akan berseru, 'Ya Junjungan kami, ya junjungan kami, bukankah dengan nama-Mu kami telah mengajar orang, dengan nama-Mu kami telah mengusir iblis, dan dengan nama-Mu pula kami telah mengadakan mukjizat? Pada saat itu, secara terus terang, Aku akan berkata kepada mereka, 'Aku tidak pernah mengenal kamu. Enyallah dari hadapan-Ku, hai orang-orang yang mungkar!'" (Matius 7:22-23)

Orang Kristian ibarat seorang petani. Kalau seorang petani tidak berusaha melibatkan diri dalam pertaniannya, pasti tidak akan mendapat tuaian. Bukankah Firman Tuhan bersabda, "Apa yang ditabur oleh seseorang, itulah pula yang akan dituainya." (Galatia 6:7)

# BAB 5

## Seorang Pekerja Yang Berkenan Kepada Allah

Teks: 2 Timotius 2:11-18  
Ayat kunci: 2 Timotius 2:15

“Usahakanlah supaya engkau layak di hadapan Allah sebagai seorang pekerja yang tidak usaha malu, yang berterus terang mengajarkan perkataan kebenaran itu.”

### PENDAHULUAN

Orang-orang kudus yang menurut Firman Tuhan akan memberi teladan kehidupan setia ibarat perajurit, olahragawan, dan petani. Dalam perikop ini, kita akan melihat perjanjian-perjanjian Firman Tuhan kepada mereka yang memegang kebenaran dengan teguh. Sebaliknya, Firman Tuhan juga memberi amaran kepada mereka yang hidup berlawanan dengan Firman Tuhan. (2 Timotius 2:11-13)

Tuhan tetap setia dan sama dari awal hingga ke akhir. Sudah pasti, Dia tetap setia kepada Firman-Nya dan tidak pernah berubah. Berkat-Nya dan Perjanjian-Nya sempurna seperti Firman Tuhan. Orang kudus yang memahami kepentingan Firman Tuhan sudah tentu akan memberi keutamaan terhadap pembelajaran dan pengajarannya. Orang yang berdiri teguh atas Firman Tuhan yang benar akan menunaikan kebenaran Firman Tuhan, tetapi orang-orang yang tidak melakukan kebenaran, tidak akan berdiri teguh

atas kebenaran. Mereka akan berhadapan dengan amaran seperti yang tertulis amaran yang diberikan Paulus.

### PELAJARAN DAN AMARAN

1. Bacalah 2 Timotius 2:11-13. Tulislah 4 ayat bersyarat di bawah ini:

a) Jika kita mati dengan Dia - kita pun akan hidup dengan Dia

---

b)

---

c)

---

d)

---

**CIRI-CIRI KHAS:** Semua syarat yang disebutkan (Jikalau..., If...) tergolong sebagai “gred pertama” dalam bahasa Yunani. Ini bermakna perkataan tersebut bukan diinterpretasi sebagai dalam pengertian hipotesis melainkan pernyataan fakta benar yang boleh dipercayai dan tidak dapat diubah. “Jika kita mati ...” kata kerja yang disebutkan berciri mutlak dan bukan dalam pengertian “seandainya...”. “Jika ... bertekun” - kata kerja ini berciri kala kini. “Jika kita menyangkal Dia,” “menyangkal” adalah “arneomai”. Dalam bahasa Yunani perkataan ini bermaksud ‘menafikan, menolak, melepaskan, membuang’. “Jika kita tidak setia” - “tidak setia” ialah “apisteo”. Dalam bahasa Yunani, ia memiliki erti “tidak percaya,” “tidak ada iman,” iaitu, yang “tidak benar.” Perenggan ini meyakinkan kita bahawa Tuhan tetap setia dalam perjanjian-Nya mahupun amaran-Nya.

2. Selepas membaca perbandingan di atas, jawablah pertanyaan-pertanyaan di bawah ini dengan merenunginya secara mendalam.
- a) Sungguhkah anda sudah mati bersama Tuhan? Dari segi apakah anda masih belum mati?

---

b) Adakah anda sentiasa bertekun? Sejauh mana anda bertekun? Jelaskan secara terperinci.

---

c) Pernahkah anda menyangkal Tuhan dalam pengalaman hidup anda? Pernahkah anda menyangkal dengan perbuatan walaupun anda tidak menyangkal dengan mulut anda? Tulislah secara terperinci.

---

d) Apakah perjanjian dan amaran dari ayat-ayat 2 Timotius 2:11-13?

---

### SIKAP PEKERJA - PERUMPAMAAN

3. Selepas membaca ayat-ayat 14-16, tulislah perkara tentang seorang pekerja yang berkenan kepada Tuhan Allah dan tidak perlu berasa malu, khususnya lihat ayat 2 Timotius 2: 15 dan menyelidikinya.

---

**CIRI-CIRI KHAS:** Kata 'usaha' bererti 'rajin dan sangat berminat'. Dalam 2 Timotius 4:9, 21, dan Titus 3:12 'berusaha' sering digunakan untuk pengertian umum. Berusaha dalam teks ini bermakna seorang pekerja haruslah rajin dalam kerjanya supaya dia tidak berasa malu dengan hasil kerjanya. Yang 'berterus terang memberitakannya' mempunyai pengertian "memotong sesuatu dengan lurus." Contoh aktiviti untuk kata kerja ini: membuat saluran di tempat yang kering' dengan lurus, memotong papan dengan lurus, menjahit dengan lurus. Ini bermakna seorang pekerja harus mengajar Firman Tuhan dengan tepat dan lurus. Kata 'dilayak' dalam 2 Timotius 2:15 mempunyai ertinya seorang pekerja yang "diluluskan selepas ujian" atau "dibuktikan."

4. Apakah ciri-ciri seorang pekerja yang tidak baik? Siapakah golongan orang yang mewakili kumpulan itu? (2 Timotius 2:14, 16).

---

5. Apakah perbezaan seorang pekerja baik yang berkenan kepada Tuhan dengan seorang pekerja yang tidak baik? (2 Timotius 2:14-18)

---

6. Apakah yang perlu anda lakukan untuk menjadi seorang pekerja yang layak di mata Tuhan?

---

**AMANAT**

Firman Tuhan yang diberitakan dengan terus terang dan tepat akan membawa pertumbuhan iman dan tidak merobohkan iman orang kudus. Seorang pekerja Tuhan yang baik akan berdiri teguh atas Firman Tuhan yang benar sebelum dia mengajar orang lain untuk berdiri teguh di atas Firman Tuhan. Sementara guru-guru yang palsu seperti Himeneus dan Filetus merebak seperti penyakit barah dan membunuh iman jemaah. Sebaliknya, seorang pekerja Tuhan yang baik tidak berminat dengan hal-hal lain kecuali Firman Tuhan.

Pada masa seperti itu, tafsiran "eskatologi telah diinjili dengan herot-benyot." Mereka mengajar bahawa kebangkitan semula sudah berlalu serta menimbulkan masalah tentang kedatangan Yesus. Ajaran-ajaran sesat seperti ini merobohkan iman jemaah dan mengakibatkan orang yang mendengarnya silap langkah. Berusahalah agar diri anda disukai oleh Tuhan sebagai seorang pekerja yang tidak perlu berasa malu berdiri teguh atas Firman Tuhan dan mengupasnya dengan tepat.

7. Apakah ciri-ciri ajaran palsu yang disebutkan oleh rasul Paulus?  
(2 Timotius 2:14-18)

---

8. Mengapakah Paulus menganggap ajaran palsu sebagai hal yang tidak boleh dianggap ringan? (2 Timotius 2:14,16,17, 18, 26)

---

9. Mengapakah ajaran bahawa kebangkitan sudah terjadi boleh mengancam iman jemaah Tuhan pada waktu itu? (2 Timotius 2:18)

---

10. Apakah ciri-ciri ajaran palsu yang wujud dalam gereja pada masa kini?

---

11. Jika gereja kita diancam oleh ajaran palsu, apakah yang harus kita lakukan dan apakah yang tidak patut kita lakukan?

---

# BAB 6

## Bekas Yang Bersih

Teks: 2 Timotius 2:19-26  
Ayat kunci: 2 Timotius 2:21

“Jika seorang menyucikan dirinya dari hal-hal yang jahat, ia akan menjadi perabot rumah untuk maksud yang mulia, ia dikuduskan, dipandang layak untuk dipakai tuannya dan disediakan untuk setiap pekerjaan yang mulia.”

### PENDAHULUAN

Pelbagai jenis pekerja Allah diperlukan untuk melengkapi gereja kita. Tuhan memberi pelbagai karunia kepada mereka yang melayani gereja. Mereka tidak semestinya guru atau pastor sahaja, tetapi mereka yang rela melayani dengan rendah hati sehingga kedua-dua tangan mereka dikotori dalam “dapur gereja.” Mereka semua bernilai di mata Tuhan. Paulus mengibaratkan orang Kristian sebagai bekas. Bekas yang lebih mahal digunakan untuk fungsi yang lebih mulia.

Dunia lebih suka menggunakan bekas yang mahal. Menurut anda, jenis bekas apakah yang akan dipilih oleh Tuhan untuk maksud yang mulia?

1. Sila baca 2 Timotius 2:19. Kemudian tulis maksudnya menurut kefahaman anda. (Kalau boleh, sila baca dan rujuk kepada Alkitab terjemahan yang lain)

2. Sila baca Matius 7:21-23. Siapakah yang dikenali dan tidak dikenali oleh Tuhan Yesus? Bandingkan ayat-ayat ini dengan 2 Timotius 2:19. Dari segi apakah ayat-ayat ini mempunyai kesamaan?

3. Siapakah yang dikatakan oleh Tuhan Yesus seperti “Aku tidak pernah mengenal kamu?” Mungkinkah Tuhan Yesus tidak mengenal anda walaupun anda melayani dalam nama Tuhan Yesus?

### BEKAS - PERUMPAMAAN V

4. Sila baca 2 Timotius 2:19-20. Apakah erti rumah yang besar dalam ayat 20.?

5. Apakah jenis bekas yang ada dalam rumah yang besar? Bekas apakah yang digunakan untuk maksud yang mulia dan bekas untuk maksud yang kurang mulia?

6. Sila baca 2 Timotius 2:20, 21. Ayat 21 bersabda bahawa jika kita ingin menjadi bekas untuk maksud yang mulia, kita perlu menyucikan diri dari hal-hal yang jahat. Dalam ayat ini, apakah ertinya hal-hal yang jahat?

## CIRI-CIRI KHAS

Kita perlu memerhatikan bahawa orang-orang yang diibaratkan dua jenis bekas ini bukan jemaah sebaliknya guru-guru. Oleh sebab itu, penjelasan ini membawa maksud bahawa kita perlu memisahkan diri daripada guru-guru yang tidak baik, guru yang menyangkal fakta-fakta asas dan khabar baik seperti Himeneus dan Filetus (mengikut I Timotius 1: 19,20). Mereka telah menyeleweng dan sesat selepas kehilangan hati nuraninya. Kita sepatutnya tidak melibatkan diri dalam kesalahan dan perbuatan jahat guru-guru palsu atau menyokong mereka kerana mereka terkenal!

Kita didorong agar membuang segala kedustaan dan kejahatan dari hati dan kehidupan kita supaya segala yang jahat dapat dibersihkan. Kesejatan doktrin dan kesucian kehidupan sangat diperlukan untuk membentuk orang Kristian yang berguna.

7. Apakah yang dimaksudkan oleh Firman Tuhan dengan "Jika seorang menyucikan dirinya dari hal-hal yang jahat." Selepas membaca ayat-ayat di bawah, selidiki apa yang perlu kita buat untuk membersihkan diri kita.

a. I Korintus 15: 33 -

---

b. 2 Tesalonika 3: 6-15 -

---

c. 2 Timotius 2:14-18, 22-23

---

8. Siapakah yang boleh mempengaruhi anda dengan perkara yang tidak baik dalam kehidupan anda sebagai hamba Tuhan? Dari segi apakah anda dipengaruhi? Kalau orang yang mempengaruhi anda itu guru sesat, apakah yang anda lakukan?

---

9. Sila baca 2 Timotius 2:21. Apakah yang dijanjikan oleh Allah kepada orang yang mematuhi firman Tuhan?

---

10. Selepas anda membaca 2 Timotius 2: 23-26, tuliskan apa yang telah anda pelajari tentang kelakuan seorang 'hamba Tuhan' yang sejati.

---

11. Apakah yang diajari oleh pelajaran ini mengenai peribadi seorang hamba Tuhan?

---

12. Bagaimana pula dengan kehidupan anda sebagai hamba Tuhan? Dari segi apakah yang perlu anda bertambah baik?

### AMANAT

Paulus berkata bahawa gereja juga mempunyai pelbagai bekas. Alat yang sentiasa digunakan oleh Tuhan mestilah alat yang bersih dan mulia. Di dalam gereja kita ada orang-orang tertentu yang merosakkan iman jemaah dengan doktrin yang salah dan mereka yang tidak mengajar doktrin sihat seperti Himeneus dan Filetus (2 Timotius 2:17, 18). Kita tidak boleh mengikut doktrin dan kehidupan orang-orang seperti ini. Kesucian doktrin dan kesucian kehidupan harus dikekalkan selalu.

Kita tidak mungkin mencampurkan bekas yang kotor dengan bekas yang bersih?

Bekas yang bersih tidak boleh membersihkan bekas yang kotor tetapi sebaliknya bekas yang kotor boleh mengotori bekas yang bersih, oleh kerana itu, mereka mesti dipisahkan dari bekas kotor. Oleh sebab itu, kita tidak boleh mengikut orang-orang yang mempersendakan kebenaran; kita harus menghindari diri daripada perkara yang tidak betul, kita harus menjauhi nafsu orang muda. Kita harus menghindari omong-omong kosong serta perkara yang bodoh dan yang tidak layak diselidiki. Selain itu, kita harus mengelakkan pertengkaran, kita harus mengejar keadilan, kesetiaan, kasih dan berdamai dengan mereka yang berseru kepada Tuhan dengan hati yang murni. Kita harus beramah terhadap semua orang, dan kita harus mengajar dengan sabar.

# BAB 7

## Berpeganglah Pada Injil

Teks: 2 Timotius 3:1-17  
Ayat kunci: 2 Timotius 3:14a

“Tetapi hendaklah engkau tetap berpegang pada kebenaran yang telah engkau terima dan engkau yakini ... ”

### PENDAHULUAN

Akhir zaman dapat dijelaskan dengan dua pengertian. Pengertian pertama, ia tertuju ke masa kedatangan Tuhan Yesus yang kedua kalinya. Pengertian yang kedua, ia menggambarkan masa kedatangan-Nya yang pertama kalinya sehingga Dia datang pada kedua kalinya.

Sekarang kita hidup pada akhir zaman, masa kedatangan Tuhan Yesus kali kedua semakin mendekat. Paulus berkata bahawa pada akhir zaman akan datang masa yang sukar (2 Timotius 3:1). Pada masa moden ini, orang yang kudus dan taat kepada Allah akan mengalami kesukaran dalam hidup.

Istilah ‘sukar’ menggambarkan tentang keadaan yang liar dan tidak terkawal seperti binatang liar. Bagaimanakah umat Tuhan harus hidup dan bertahan dalam fenomena seperti ini? Mari kita menyelidiki perkara ini dengan lebih mendalam.

## JAULILAH

1. Sila baca 2 Timotius 3:1-13. Tulis kelakuan orang-orang yang tidak mentaati Tuhan pada akhir zaman yang tidak boleh diikuti oleh orang-orang yang taat kepada Tuhan.

---

2. 2 Timotius 3:2-4 menjelaskan kejahatan orang yang tidak patuh kepada Tuhan. Carilah ciri-ciri kejahatan ini dan kemudian tuliskan perkataan yang berlawanan yang perlu dimiliki oleh seseorang yang mengasihi Tuhan.

- a. mencintai diri sendiri \_\_\_\_\_
- b. hamba wang \_\_\_\_\_
- c. menyombongkan diri \_\_\_\_\_
- d. pemfitnah \_\_\_\_\_
- e. pemberontak orang tua (ibu bapa) \_\_\_\_\_
- f. tidak tahu berterima kasih \_\_\_\_\_
- g. tidak mempedulikan agama \_\_\_\_\_
- h. tidak mengasihi \_\_\_\_\_
- i. tidak mahu berdamai \_\_\_\_\_
- j. suka menjelekan orang \_\_\_\_\_
- k. tidak dapat mengekang diri \_\_\_\_\_
- l. garang \_\_\_\_\_
- m. tidak suka yang baik \_\_\_\_\_
- n. suka mengkhianati \_\_\_\_\_
- o. tidak berfikir panjang \_\_\_\_\_
- p. berlagak tahu \_\_\_\_\_
- q. lebih menurut hawa nafsu \_\_\_\_\_

**CIRI-CIRI KHAS:** Paulus menyebut Yanes dan Yambres sebagai contoh guru-guru palsu. Mereka berdua adalah ketua ahli silap mata yang aktif beraksi di istana raja Mesir. Nama-nama mereka tidak disebutkan dalam (Targum; versi Alkitab Aramaic), atau teks asli Perjanjian Lama. Teks itu dituliskan seperti ini: "Kemudian Firaun pun memanggil orang-orang berilmu dan ahli-ahli sihir, dan mereka pun ahli-ahli Mesir itu, membuat yang demikian juga dengan ilmu mantera mereka." (Keluaran 7:11)

3. Perkara-perkara apakah yang ada pada peribadi anda yang menyerupai watak orang tidak mentaati Tuhan pada akhir zaman di atas? Renungilah lebih mendalam tentang kelemahan yang patut anda perbaiki. Kemudian tulis bagaimana anda boleh berubah.

---

4. Mengapakah orang ini dikatakan memungkir kekuatan Allah sekalipun mereka menjalankan ibadah? (2 Timotius 3:5)

---

5. Baca 2 Timotius 3:6-9.

a) Menurut ayat-ayat ini, siapakah orang-orang yang menyelicap/ menyamar sebagai orang saleh?

---

b) Orang ini kelihatan saleh tetapi mereka disarat dengan apa?

---

c) Apakah orang-orang yang berperangai seperti ini wujud dalam gereja moden? Kalau mereka wujud, apakah ciri-cirinya?

---

d) Apakah watak orang yang menentang kebenaran?

---

6. Penghiburan apakah yang dapat diperoleh oleh Timotius mahupun kita di tengah-tengah penganiayaan? (2 Timotius 3:9)

---

## BERPEGANGLAH

7. Baca 2 Timotius 3:10-17. Paulus mengingatkan dan meyakinkan Timotius bahawa sekarang dia ialah hamba Tuhan yang setia dan mesti menjauhi pemimpin-pemimpin yang palsu. Dalam masa yang susah ini, kita perlu mengikut pemimpin-pemimpin rohani yang benar.

a. Apakah yang diketahui oleh Timotius? (2 Timotius 3:10-11, 14, 15)

---

b. Jelaskan perhubungan antara menderita dianiaya dan hidup mentaati Tuhan?

---

c. Tetapi bagaimanakah Timotius berpegang pada kebenaran dengan teguh? Berikan perhatian terhadap perkataan 'Tetapi' (14).

---

8. Timotius telah lama melayani dengan Paulus dan melihat cara kehidupannya dan pelayanannya yang cukup berbeza dengan orang-orang yang tidak taat yang dijelaskan? Dapatkah anda melihat perbezaan ini? (2 Timotius 2:10-11)

---

## AMANAT

Tiga perkara yang digilakan oleh orang moden ialah wang, kuasa, dan keseronokan. Manusia tidak lagi mengalu-alukan nilai-nilai yang berunsur kerohanian dan kejiwaan. Orang-orang kini lebih mencintai dirinya sendiri, menjadi hamba wang, dan lebih menurut hawa nafsu daripada menurut Allah. Egoisme yang keterlaluan seperti ini memusnahkan kemanusiaan, keluarga, persekitaran, serta membawa masyarakat kepada ketandusan kerohanian. Mereka sedikit pun tidak dapat lagi merasakan tusukan hati nurani kerana mereka asyik mencintai dirinya sendiri dan lebih menurut hawa nafsu. Tidak hairanlah kalau dalam gereja juga wujud anggota – anggota jemaah yang menjalani ibadah mereka tetapi pada hakikatnya mereka memungkiri perintah-Nya. Tidak hairanlah kalau terjadi banyak kesesatan dalam gereja.

Kalau kita hanya rohani secara lahiriah tetapi kebenaran dan kelakuan benar tidak wujud dalam diri kita, sia-sia sahaja ibadah kita. Kita harus bertaubat. Kita harus merasa tersiksa dalam jiwa seperti Lot sewaktu melihat sifat orang-orang yang tidak 'warak' (warak bererti tidak taat kepada Tuhan) dengan cara hidup mereka (2 Peter 2:7,8). Kita juga harus ikut hidup beribadah dan rela menerima penganiayaan seperti sikap Paulus (2 Timotius 3:11,12).

Dunia ini condong ke arah berdosa, mementingkan keseronokan, dan menyanjung perkara yang menentang Allah, anda harus berbeza. Anda perlu berpegang teguh kepada Injil yang telah anda terima dan berpegang kepada iman anda terus-menerus. Berpeganglah teguh pada kebenaran dalam Firman Tuhan (2 Timotius 3:14). Meski pun kita sudah kehilangan segala-galanya, kita akan tetap berpegangan kuat kepada keyakinan kita pada Injil, serta tidak terombang ambing.

# BAB 8

## Firman Tuhan

Teks: 2 Timotius 3:15-17  
Ayat kunci: 2 Timotius 3:16-17

“Segala tulisan yang diilhamkan Allah memang bermanfaat untuk mengajar, untuk menyatakan kesalahan, untuk memperbaiki kelakuan dan untuk mendidik orang dalam kebenaran. Dengan demikian tiap-tiap manusia kepunyaan Allah diperlengkapi untuk setiap perbuatan baik.”

### PENDAHULUAN

#### Kristus Yesus dan Firman Tuhan

Firman Tuhan telah menjelma menjadi manusia iaitu Kristus Yesus, Anak Allah, Imam kita, dan Raja kita yang telah menggenapi maksud terakhir Allah untuk manusia. Kristus Yesus adalah hadiah anugerah Allah dan wahyu yang telah diberi-Nya ialah Firman Tuhan. Tuhan telah menampakkan diri dengan kehadiran-Nya. Selepas kita menerima-Nya, kita harus hidup menurut Firman-Nya.

Kristus Yesus Almasih yang telah dinubuatkan ialah tajuk pokok dalam semua Firman Tuhan. Kristus Yesus yang datang ke dunia ini telah dinubuatkan dalam Perjanjian Lama. Selanjutnya, Kristus Yesus telah datang dan akan datang kedua kali seperti yang telah dinubuatkan oleh Perjanjian Baru. Segala Firman Tuhan yang diilhamkan Allah harus menjadi dasar segala tafsiran kita.

Alkitab tidak boleh ditambah selepas kitab Wahyu kerana bukti baru tentang Kristus yang bersejarah tidak akan terjadi lagi. Kita tidak diizinkan membuat sebarang wahyu pun sampai Tuhan Yesus datang kedua kalinya.

Kanon Kitab Suci bererti ukuran, peraturan, dan piawaian bagi menentukan

Firman Tuhan. Kitab-kitab yang telah diterima dalam Kitab Suci telah melalui ujian yang tulen dan sah atau dalam bahasa Inggerisnya, “canonical.” Yang penting, kita perlu ingat bahawa, “Alkitab bukan pengumpulan sah untuk mengesah kitab-kitab tetapi sebaliknya pengumpulan kitab-kitab yang sah.” Maksudnya kitab-kitab itu sudah sah sebelum dikumpulkan menjadi Alkitab.

Tuhan Yesus mematuhi Alkitab (Perjanjian Lama) sewaktu Dia hidup di dunia sebagai Imam kita dan Raja kita sehingga kematian-Nya di kayu salib. Dia meminta kepada para murid-Nya supaya mematuhi Alkitab sama seperti Dia telah mematuhi ajaran Allah Bapa. Jadi orang Kristian perlu menjadi hamba Tuhan yang setia, dan mematuhi pemerintah Allah yang telah diterima melalui Alkitab.

Yang pertama dan terutama dalam Alkitab adalah tentang Yesus. Alkitab adalah berita tentang sejarah pekerjaan Allah yang telah digenapi dalam Tuhan Yesus Kristus. Alkitab memperkenalkan sifat dan karakter Allah serta khabar tentang penyelamatan-Nya.

1. Selepas membaca ayat-ayat di bawah, tulislah bagaimana Firman Tuhan ditulis.

a) 2 Timotius 3:16 -

b) 2 Petrus 1:20-21 -

2. Selepas membaca pendahuluan, jawab soalan-soalan di bawah.

A. a. Apakah erti “Kitab Suci” (kanon)

b. Berapa buku Kitab Suci yang terkandung dalam Alkitab?

B. Apakah tajuk utama Firman Tuhan?

a. Perjanjian Lama

---

b. Perjanjian Baru

---

c. Apakah perhubungan antara Firman Tuhan Allah dengan orang Kristian?

---

3. Timotius telah melayani bersama Paulus dalam pelayanan mengabarkan Injil. Perbezaan apakah yang dapat anda lihat dalam Paulus dan orang-orang yang disebutkan Paulus? (2 Timotius 3: 10-11)

---

4. Apakah yang perlu dihadapi Timotius kalau dia memilih cara hidup yang dicadangkan oleh Paulus? (2 Timotius 3: 11;13)

---

5. Bacalah 2 Timotius 3:15-17 lagi.

a) Menurut pendapat anda, mengapa sekarang Paulus mengajar tentang Firman Tuhan kepada Timotius? Bagaimanakah ini diterapkan kepada anda?

---

b) Apakah perbezaan Alkitab dengan tulisan-tulisan yang diajari oleh guru-guru palsu? (2 Timotius 3:15)

---

c) Bagaimanakah Alkitab memberi manfaat kepada orang yang telah diselamatkan? (2 Timotius 3:16)

---

**CIRI-CIRI KHAS:** Segala tulisan yang diilhamkan Allah memang bermanfaat untuk mengajar yang betul, untuk menyatakan yang tidak betul, serta untuk memperbaiki kelakuan. Firman Tuhan berguna untuk memperbaiki yang tidak betul dan mendidik cara hidup yang betul dalam kebenaran. Orang Kristian yang belajar Alkitab dan menerapkan apa yang telah dipelajari dalam hidupnya akan bertumbuh dalam kesucian. Akibatnya, dia akan menghindari banyak percubaan dalam dunia ini.

d) Bagaimanakah orang yang mengabdikan diri kepada Tuhan boleh dilengkapi untuk pekerjaan baik?

---

**CIRI-CIRI KHAS:** Dua frasa penting yang digunakan ialah "dilengkapi dengan sempurna" dan "untuk setiap perbuatan baik." Dalam Alkitab Khabar Baik, frasa ini diterjemahkan sebagai "untuk segala jenis pekerjaan yang baik" yang juga mempunyai erti dengan "dिलengkapi untuk melayani." Jadi, jemaah Tuhan dipersiapkan dan dilengkapi oleh Firman Tuhan agar Allah dapat dimuliakan dan mereka boleh melakukan perkara-perkara yang dikehendaki Allah. Semakin kita mengetahui Firman Allah dengan baik, semakin baik kita akan melayani Allah.

e) Mengapa anda harus membaca dan belajar Firman Tuhan? Jelaskan alasan itu.

---

6.I. Paulus mengatakan Alkitab berguna untuk mengajar, untuk menyatakan kesalahan, untuk memperbaiki kelakuan dan untuk mendidik orang dalam kebenaran. Dapatkah anda mencari ayat-ayat dalam 2 Timotius yang sudah diberikan kepada Timotius untuk:

a. Mengajar

---

b. Menyatakan kesalahan

---

c. Untuk memperbaiki kelakuan

---

d. Untuk mendidik orang dalam kebenaran

---

II. Mengapakah kita harus memperhatikan semua hal ini dalam pelayanan kita?

---

7) Sila tulis 2 Timotius 3:15-17 dengan perkataan anda sendiri. Mulailah dengan kata "Alkitab..." (Sila tulis tentang tujuan Alkitab dalam kehidupan anda).

---

8) Mengapakah Timotius harus menggunakan Alkitab sebagai pedang terhadap ajaran-ajaran palsu?

---

9) Mengapakah kita harus mendasari segala pelayanan kita pada firman Tuhan?

---

10) Adakah kita selalu memperhatikan satu keseimbangan dalam mesej kita sewaktu mengajar atau berkhotbah?

---

## AMANAT

Harta benda yang paling berharga dan perlu dimiliki setiap orang ialah Alkitab. Itulah hadiah paling besar yang diberikan oleh Allah kepada manusia. Cerita kasih sayang yang luar biasa daripada Allah tertulis dalam Firman Tuhan. Suara belas kasihan yang tidak terbatas dan cerita pengampunan orang berdosa yang kejam, menarik hati kita pada waktu kita membuka 2 Timotius ini. Tambahan, Alkitab ini mengajar kita tentang bagaimana kita boleh memperoleh anugerah dan kehidupan kekal. Kalau anda seorang Kristian yang sejati, jadikanlah buku yang kudus ini pembimbing dan pedoman anda. Sekiranya anda tidak membaca dan menurut Firman Tuhan, anda tidak boleh berkata, "Saya orang Kristian".

# BAB 9

## Teladan

### Kehidupan Paulus

Teks: 2 Timotius 4:1-22  
Ayat kunci: 2 Timotius 4:2

“Beritakanlah firman, siap sedialah baik atau tidak baik waktunya, nyatakanlah apa yang salah, tegurlah dan nasihatilah dengan segala kesabaran dan pengajaran.”

#### PENDAHULUAN

Paulus yang telah bergiat dalam penginjilan seperti perlumbaan yang tidak mengenal lelah selama 30 tahun kini berada dalam penjara dingin. Dia telah mengarang surat yang terperinci kepada Timotius. Kalau 2 Timotius ialah surat wasiat Rasul Paulus, kita boleh berkata bahawa 2 Timotius 4 adalah kandungan wasiatnya. Wasiat ini diajari oleh seorang pahlawan iman, hamba Allah yang agung kepada semua keturunan dan cukup mendebarkan hati kita. Bacalah bab 4 dengan hati yang sungguh-sungguh dan ikhlas. Bayangkan bahawa anda terkurung dalam penjara Rom di bawah tanah yang sejuk. Setelah mengarang surat yang terperinci kepada Timotius, anda mulai membacanya, “Berusahalah supaya segera datang kepadaku...”

#### BERITAKANLAH INJIL

1. Bacalah 2 Timotius 4. Tulislah tentang perasaan anda selepas anda membacanya.

---

2. Bacalah 2 Timotius 4:1-8 lagi. Bagi anda, apakah arahan terakhir yang Paulus berikan kepada Timotius? (rumuskan dalam satu ayat). Tulislah semua arahan yang ada dalam surat itu.

---

3. Jelaskan maksud arahan yang sebenarnya dalam 2 Timotius 4:1.

---

4. Arahan rasul Paulus tidak hanya ditujukan kepada Timotius sahaja tetapi kepada kita semua. Bagaimanakah anda dapat melaksanakan arahan ini?

---

5. Bandingkan 2 Timotius 4:3-4 dengan watak manusia pada zaman kini. Apakah anda melihat kesamaannya?

---

6. Jelaskan tiga imej yang digunakan oleh rasul Paulus dalam 2 Timotius 4:6-7. Bagaimana imej ini menolong Paulus melayani Tuhan dengan sungguh-sungguh?

---

7.a. Bagaimanakah teladan masa lalu dan masa depan Paulus yang telah mencapai garis akhir selaku penginjil boleh menjadi ajaran dan ilham kepada kita? (2 Timotius 4:6-8)

---

b. Menurut pendapat anda, kenapakah Paulus dapat mengakhiri pertandingannya dengan baik? "Aku telah mencapai garis akhir dan aku telah memelihara iman?" (2 Timotius 4:17-18)

---

**BERUSAHALAH SUPAYA SEGERA DATANG**

8. Jawablah soalan-soalan di bawah selepas membaca 2 Timotius 4:9-22.

a) Apakah permintaan Paulus kepada Timotius? (2 Timotius 4:9,11,13,21)

---

b) Menurut pendapat anda, situasi apakah yang membuat permohonan Paulus untuk berjumpa Timotius begitu mendesak?

---

c) Siapakah yang tinggal dengan Paulus?

---

d) Tulislah senarai nama orang yang tertulis dalam 2 Timotius 4:9-22 dan tulislah ulasan Paulus tentang mereka secara ringkas.

. 10 -

. 11 -

. 12 -

. 14 -

. 19 -

. 20 -

. 21 -

e) Mengapa Paulus menyenaraikan ramai orang seperti ini di sini?

---

f) Kalau nama anda tersenarai dalam surat wasiat Paulus, bagaimanakah anda akan diperkenalkan?

---

9. Bagaimanakah Paulus bersikap sewaktu dia tidak menerima dukungan sewaktu menghadapi pembelaan? (2 Timotius 4)

---

10. Setelah anda mengaji Firman Tuhan dalam 2 Timotius yang dituliskan oleh rasul Paulus yang akan dijatuhkan hukuman mati kerana Injil, mutiara apakah yang anda terima daripada surat ini?

---

## AMANAT

Menurut lagenda yang berpengaruh, Paulus telah dihakimi dan dijatuhkan hukuman mati oleh Nero tidak lama selepas menulis surat ini. James Stalker mengulas perkara ini:

“Dalam sejarah manusia tidak ada yang dapat menjelaskan ironi kehidupan manusia yang begitu baik dan yang begitu jahat selain daripada Paulus yang berdiri di depan mahkamah Nero dan raja Nero yang kejam. Di atas takhta pengadilan, tergambar raja Nero yang paling buruk reputasinya, peribadi yang paling hodoh dan bakhil di dunia fana - orang yang telah melakukan semua jenis dosa, orang yang membunuh ibunya, isteri-isteri, dan orang-orang yang pernah berbakti dan berjasa kepadanya. Orang yang pernah mendengar bahawa badan dan jiwanya hanyalah lumpur dan darah telah duduk bertakhta dengan jubah raja.

Di atas tempat duduk orang yang berdosa pula, berdiri seorang yang paling dikagumi oleh kita; semua rambutnya sudah beruban kerana dia telah berusaha untuk memberi kebahagiaan kepada semua orang demi kemuliaan Allah. Di sini, dia berdiri teguh dan akan bertemu dengan Allah di takhta-Nya yang mulia.

Selepas hakim mengambil keputusan, Paulus didapati bersalah, kemudian dia diserahkan untuk menjalani hukuman mati. Dia dibawa keluar dari istana, orang ramai yang mengikutnya dipandang rendah. Setelah dia tiba ke penjara, dia berlutut di sebelah kerusi di mana penjahat diikat dan disiksa. Selepas kapak pemenggal dihayunkan ke bawah, kepala Rasul

yang telah diutuskan ke dunia ini bergolek di tanah....Walaupun kepalanya dibuang dengan makian dari pintu istana yang dikenali sebagai “istana kota kekal,” dalam masa yang sama di depan pintu istana kota syurga yang kekal, dia telah disambut dengan penuh keriang berjutaan kali.

Tuhan telah bersabda kepada kita. “... Dalam dunia kamu menderita penganiayaan, tetapi kuatkanlah hatimu, Aku telah mengalahkan dunia.” (Yohanes 1:33) “Dan janganlah kamu takut kepada mereka yang dapat membunuh tubuh, tetapi yang tidak berkuasa membunuh jiwa; takutlah terutama kepada Dia yang berkuasa membinasakan baik jiwa maupun tubuh di dalam neraka.”(Matius 10:28)

Paulus, hamba Allah telah pergi ke seluruh pelosok negeri dengan Firman Tuhan dengan penuh kesetiaan serta memegang kepada Injil dengan setia. Ingatlah Firman Tuhan yang kita warisi daripada Paulus ketika dia pergi ke syurga! “Beritakanlah firman, bersiap sedialah baik atau tidak baik waktunya, nyatakanlah apa yang salah. Aku telah mengakhiri pertandingan yang baik, aku telah mencapai garis akhir dan aku telah memelihara iman. Sekarang telah tersedia bagiku mahkota kebenaran yang akan dikaruniakan kepadaku oleh Tuhan, Hakim yang adil, pada hari-Nya; tetapi bukan hanya kepadaku, melainkan juga kepada semua orang yang merindukan kedatangan-Nya.” (2 Timotius 4:2, 7, 8)

# Panduan Pembimbing

## BAB 1

### JAGALAH INJIL (2 Timotius 1-4)

#### **Pendahuluan**

Surat 2 Timotius dituliskan secara peribadi oleh rasul Paulus kepada Timotius yang sering menyertainya dalam perjalanan misi (Kisah Para Rasul 16). Sewaktu Paulus menulis surat ini, dia berada pada akhir perjuangannya dan akan menghadapi penghukuman mati. Rasul Paulus yang berhati seorang bapa rohani tidak akan pergi dengan tenang tanpa memberi amanat Injil kepada anak rohaninya. Paulus berpandangan tinggi terhadap Timotius (Filipi 2:19-24). Paulus juga telah mengutusnyanya untuk menggembalakan gereja-gereja yang dimulakannya (1 Tesalonika 3:2, 1 Timotius 1:2-3). Paulus sudah ikut menderita kerana Injil namun baton perlu diberikan kepada generasi berikutnya.

Anak rohaninya, Timotius yang sedang menggembalakan gereja di Efesus akan menerima baton Paulus. Surat ini sungguh penting bukan hanya bagi Timotius tetapi bagi kita yang hidup di Malaysia pada masa kini. Penganiayaan dan ajaran palsu yang licik sering menyerang gereja kita sehingga Injil murni dicemarkan.

Sewaktu 2 Timotius ditulis, gereja sering diserang ajaran-ajaran palsu dan rasul Paulus memerlukan anak Tuhan yang bertanggungjawab untuk menjaga Injil. Injil mesti dijaga dengan aktif dan diajarkan dengan tepat sehingga generasi yang berikut dapat menjadi bejana mulia di tangan Tuhan.

#### **Sesi Ini Bertujuan Menolong Pelajar**

1. Memahami 2 Timotius secara keseluruhan dan latarbelakang 2 Timotius.
2. Meneliti tema-tema besar dalam 2 Timotius.
3. Menyelidiki kepribadian dan kehidupan penulis 2 Timotius, rasul Paulus.
4. Menyelidiki kepada siapa surat ini ditujukan dan tujuannya.

#### **Penerapan:**

1. Untuk menjaga khazanah Injil melalui ajaran-ajaran sihat.
2. Untuk turut menderita bagi Injil tanpa perasaan malu atau ketakutan di tengah-tengah penganiayaan.
2. Untuk mempelajari apa yang dititikberatkan oleh rasul Paulus dan ertinya bagi gereja.
3. Untuk memberi baton kepada generasi berikutnya.

#### **Soalan Interaksi**

Jika anda sedang menghadapi hari-hari terakhir dalam kehidupan anda, surat

apakah yang anda akan tuliskan kepada generasi berikutnya?

#### **Jawapan**

**Soalan 1** Minta pelajar-pelajar anda membaca 2 Timotius bab 1-4 dengan berminat dan beremosi. Suruh mereka membayangi diri mereka sebagai Timotius. Minta mereka menyelami perasaan rasul Paulus menjelang akhir riwayatnya dan hatinya terhadap Injil. Kalau boleh, sebelum mereka datang ke pengajian kelompok ini, suruh mereka membaca 2 Timotius terlebih dahulu.

**Soalan 2** Saya merasa terkejut, terharu, sedih, dan risau kerana saya kurang mengambil berat akan Injil. Saya juga menyedari Injil dipertanggungjawabkan kepada saya, yang kemudian akan dipercayakan kepada orang setia yang lain. Saya akan berusaha untuk menjadi seorang pekerja Injil yang baik dan memberi baton itu kepada orang lain seperti Paulus mempercayakan baton kepada Timotius.

**Soalan 3** Rasul Paulus menulis surat kepada anak rohaninya, Timotius, yang telah dipertanggungjawabkan beberapa gereja yang didirikan oleh rasul Paulus. Timotius sangat disayangi rasul Paulus dan dipercayainya. (2 Timotius 1:1-2)

**Soalan 4** 2 Timotius dituliskan sewaktu rasul Paulus berada di penjara dan sedang menunggu ajalnya kerana dia dijatuhkan hukuman mati. Paulus pernah dipenjarakan di Rom pada 62 SM tetapi kemudian dipenjarakan lagi pada 65 SM. Pertama kali, dia dipenjarakan sebagai banduan politik tetapi kini sebagai seorang penjahat. Ketika api tercetus di kota Rom, raja Nero disyaki tetapi baginda mengkambing hitamkan orang Kristian dan membuang mereka ke dalam penjara. (2 Timotius 1:16, 2:9)

**Soalan 5** Rasul Paulus sudah berjuang hingga garis akhirnya dan darahnya sudah hampir dicurahkan menjelang ajalnya dan dia akan bertemu dengan Tuhan. Gereja dilandai ajaran-ajaran palsu dan pengikut-pengikut tertentu berpaling daripada Paulus. (2 Timotius 4:6-8)

**Soalan 6** Paulus menulis surat ini kepada Timotius untuk menggalakkan Timotius agar:

- a. jangan malu dan ikut menderita bagi Injil. Dia diminta pelihara khazanah indah iaitu Injil (2 Timotius 1:8,14)
- b. berusaha supaya dirinya layak di hadapan Allah sebagai pekerja yang tidak malu tetapi berterus terang memberitakan perkataan kebenaran itu. (2 Timotius 2:9,15)
- c. dia selalu berpegang pada kebenaran yang telah diterimanya dan diyakininya. (2 Timotius 3:13,14)
- d. beritakanlah Firman Tuhan, bersiap sedia baik atau tidak baik waktunya, nyatakanlah apa yang salah, tegurlah dan nasihatilah dengan segala kebenaran dan pengajaran. (2 Timotius 4:1,2)

**Soalan 7** Sewaktu Paulus menulis surat ini kepada Timotius, dia berada di penjara dan dia ingin menyerahkan baton Injil kepada anak rohaninya. Kini tibalah giliran Timotius untuk bertanggungjawab atas Injil serta mengajarnya dengan setia. Dia mesti mempertahankan Injil serta mencegah gereja daripada serangan ajaran palsu dan kemurtadan. Tambahan, Injil yang murni mesti disebar kepada generasi yang baru.

- Soalan 8** Dalam 2 Timotius, Tuhan ingin bersabda kepada kita bahawa
- Roh dapat membangkitkan kekuatan, kasih dan ketertiban. (2 Timotius 1:7)
  - Kita tidak perlu malu bersaksi tentang Tuhan dan ikut menderita bagi Injil-Nya dengan kekuatan Allah. (2 Timotius 1:8)
  - Hati kita mesti selalu kuat dalam kasih karunia Kristus Yesus.

**Soalan 9** Gereja akan tetap memegang pada corak pengajaran yang sihat yang diajar oleh Tuhan Yesus dan para rasul. Ajaran yang sihat ini akan diberikan kepada Timotius yang kemudian akan diberikan kepada orang yang setia. Injil adalah khazanah gereja yang paling berharga dan mesti dijaga dengan baik-baik melalui ajaran sihat ini. (2 Timotius 1:13-14)

**Soalan 10** Paulus akan mengajar Injil kepada orang yang setia yang kemudian akan diajar kepada generasi yang baru dan setia kepada Injil. (2 Timotius 2:2)

**Soalan 11** Kita harus sedar bahawa bukan hanya pastor yang harus menderita bagi Injil, kita juga dipanggil untuk menyebarkan Injil dan tidak takut menderita demi Injil. Kita juga turut bertanggungjawab memelihara harta yang indah ini sehingga khazanah ini boleh diberikan kepada generasi berikutnya. Kita juga perlu mengaji Alkitab dengan teliti sehingga kita menjadi pekerja yang mahir, mampu menangkap ajaran palsu dan layak di hadapan Allah. Saya harus menjaga Injil bukan dalam pengertian menyimpannya untuk diri sendiri tetapi menyebarkan kebenaran Firman Allah dengan tepat.

## BAB 2

### MALU AKAN INJIL? (2 Timotius 1:1-12)

#### Pendahuluan:

Paulus begitu mengambil berat akan Injil sehingga di dalam bab 1:11, dia teringat akan panggilannya untuk Injil lagi. Timotius harus mengingat bahawa pemenjaraan Paulus dan penderitaan ini berpunca daripada perjuangannya untuk Injil dan tidak perlu merasa malu. Paulus bukan dipenjarakan akibat kejahatannya tetapi kerana Injil yang dijaganya.

#### Sesi Ini Bertujuan Menolong Pelajar-Pelajar:

- Memahami perhubungan rasul Paulus dan Timotius
- Memahami galakan yang diberikan oleh Paulus kepada Timotius
- Mencabar pelajar-pelajar agar tidak perlu merasa malu akan Injil
- Memahami bahawa Injil harus diajar kepada orang yang setia agar dapat diturunkan kepada generasi yang berikutnya
- Menyelidiki karunia yang diberikan Allah dan untuk mengobarkannya (menghidupkannya)

#### Penerapan

- Untuk mengobarkan (menggunakan) karunia yang telah diberikan oleh Tuhan.
- Untuk berdiri teguh bagi Injil dan tidak malu akan Injil
- Untuk menyedari bahawa Injil mesti diajarkan kepada orang setia agar dapat diberikan kepada orang setia yang lain.
- Untuk memahami siapa yang memberi kuasa untuk menderita bagi Injil

#### Soalan Interaksi

Pernahkah anda mempunyai anak rohani? Jelaskan perhubungan anda dengannya dan bagaimanakah anda menggalakkannya jika dia malu akan Injil?

#### Jawapan 2 Timotius 1:1-12

##### Soalan 1

- Rasul Paulus menganggap Timotius sebagai anaknya dalam iman dan rakan pelayanan yang dikasihinya. (2 Timotius 1:2)
- Dia selalu mengingati Timotius dalam doa (permohonannya) baik siang mahupun malam. Paulus mengambil berat akan anak rohaninya. (2 Timotius 1:3)
- Dia rindu berjumpa dengan Timotius. (2 Timotius 1:4)
- Dia pernah menumpang tangan ke atas Timotius sebagai pengakuan Timotius ialah rakan sekerjanya. (2 Timotius 1:6)
- Rasul Paulus sering menggalakkan Timotius dalam pertumbuhan iman dan pelayanannya. (2 Timotius 1:2-9)

##### Soalan 2 Timotius mempunyai sifat-sifat berikut:-

- Dia mempunyai hati nurani yang murni. (2 Timotius 1:3)
- Timotius mempunyai hati yang lembut kerana dia mudah menitis airmata. (2 Timotius 1:4)
- Timotius mempunyai iman yang tulus ikhlas. (2 Timotius 1:5)
- Timotius mudah takut. (2 Timotius 1:7)
- Dia seorang pemalu. (2 Timotius 1:8)

**Soalan 3** Timotius yang pernah ditumpang tangan oleh sidang penatua (1 Timotius 4:14) dan juga seperti rasul Paulus (2 Timotius 1:6), dia mempunyai karunia menggembala, memelihara, mendirikan dan mengajar jemaah mendewasa dalam iman.

**Soalan 4** Beberapa hal yang menyebabkan Timotius tidak mengobarkan karunia sebelum ini. (atau menyemarakkan/menggunakan karunianya)

- Dia memiliki hati yang takut pada waktu dia melayani Tuhan. (1 Korintus 16:10; 2 Timotius 1:7)
- Kesihatannya mungkin tidak terlalu baik sehingga Paulus menyuruh dia meminum sedikit anggur untuk menolong dia dalam pencernaannya. (1 Timotius 5:23)
- Dia masih muda. (1 Timotius 4:12; 2 Timotius 2:22)
- Dia mungkin belum mengalami terlalu banyak penderitaan lagi dalam pemberitaan Injil dan kini, Paulus ingin dia mengobarkan karunianya untuk menghadapi cabaran di depannya. Timotius perlu menyemarakkan api karunianya untuk pelayanan yang lebih berat. (2 Timotius 4:3-6)
- Dia pemalu yang mungkin malu menggunakan karunianya. (2 Timotius 1:8)

**Soalan 5** Paulus mendorong Timotius dalam tiga hal (2 Timotius 1:7)

- Kekuatan iaitu jiwa teguh yang diberikan oleh Tuhan sehingga dia mempunyai keperibadian yang teguh serta diberi keberanian untuk menggunakan autoriti-Nya.
- Kasih- Dia dinasihati agar tidak meragukan kasih Allah dan menggunakannya dalam pelayanannya.
- Ketertiban-Seorang hamba tidak boleh melayani kalau dirinya tidak mempunyai kehidupan yang tertib. Ketertiban ini memberi kuasa yang boleh menolong Timotius mengatasi ketakutan. Hatinya juga akan dikuasai dan dikawal oleh Roh Kudus.

**Soalan 6** Berilah waktu untuk peserta-peserta anda memikirkan karunia mereka dan merenungi kenapa mereka belum menggunakan karunia mereka.

- Saya mendapat karunia Tuhan ketika saya \_\_\_\_\_
- Saya belum menghidupkan karunia Tuhan kerana \_\_\_\_\_

<b>Soalan 7</b>			
Ayat-Ayat	Siapa	Tentang apa	Mengapa
2 Timotius 1:8	Timotius	Malu bersaksi tentang Tuhan dan mungkin juga malu akan Paulus	Takut, lemah, muda
2 Timotius 1:12 (1 Timotius 1:9-11)	Paulus	Tidak malu menderita untuk Injil	Kerana dia tahu dia percaya kepada siapa dan yakin bahawa Tuhan berkuasa memeliharakan apa yang telah dipercayai-Nya kepadanya hingga pada Hari Tuhan
2 Timotius	Onesiforus	Tidak malu berjumpa dengan Paulus di penjara	

#### **Soalan 8**

- Timotius menjadi malu akan Injil kerana orang di sekelilingnya mulai menolak Injil. Dia juga merasa malu kerana Paulus, bapa rohaninya, kini berada di penjara Rom dan diperlakukan seperti penjenayah lain.
- Paulus ada seorang guru Injil yang serius dan tidak bermain-main dengan khutbahnya tentang Injil. Kalau seseorang merasa malu akan Paulus, ini boleh disamakan dengan merasa malu akan apa yang dikatakan oleh Paulus mengenai Injil juga.

**Soalan 9** Timotius digalakkan untuk tidak merasa malu akan Injil kerana gurunya turut menderita kerana Injil. Paulus tidak merasa malu kerana dia tahu kepada Siapa yang dipercayainya. Dia mempunyai perhubungan intim bersama dengan Tuhan sehingga tidak ada sesuatu pun yang akan menyebabkan dia menyangkal Tuhan. Dia akan didapati bertanggungjawab atas apa yang dipercayai kepadanya khususnya pada Hari Tuhan. Selain itu, Tuhan memberi kuasa untuk menderita bagi pemberitaan Injil dan kuasa penganiayaan tidak akan menakutkan Paulus. Di tengah-tengah penganiayaan ini, Paulus telah mempercayai dirinya, Injil, Timotius dan gereja kepada Tuhan. Kalau kita mempunyai perhubungan yang intim dengan Tuhan, kita tidak akan merasa malu dan khuatir kerana kita boleh mempercayai segala kesulitan kepada-Nya di tengah-tengah kesulitan. (2 Timotius 1:8-12)

**Soalan 10** Biarlah peserta anda mengemukakan pengalaman mereka. Galakkan mereka untuk memberitakan Injil sekalipun penentangan dan penganiayaan wujud di tengah-tengah mereka. Kuasa Tuhan akan menolong kita mengatasi segala kesusahan yang kita alami sewaktu memberitakan Injil. Kita harus bergembira kerana Tuhan telah menganggap kita layak menderita demi nama-Nya. "Penderitaan dan penganiayaan merupakan lencana kemuridan sejati. Kadangkala kebebasan kita untuk beribadah telah membuat kita terlena mahupun tumpul dalam iman. Mungkin kita perlu dimurnikan oleh sedikit penganiayaan," menurut Dietrick Bonhoeffer.

Uskup Polikarp, 86 tahun, yang dibakar di Kota Smyrna menaikkan doa, "Tuhan yang Maha Kuasa, Bapa Tuhan Yesus yang kami kasihi, aku memuliakan nama-Mu kerana Engkau menganggap saya layak menderita pada saat ini dan telah memberi saya kesempatan untuk mati bagi Tuhan. Untuk ini dan semua perkara yang lain, saya memuji Engkau."

**Soalan 11** Kalau mereka tidak pernah memberitakan Injil, galakkan peserta-peserta anda untuk memberitakan Injil di kalangan keluarga mahupun teman-teman mereka. Jelaskan bahawa kuasa Tuhan tidak hanya terjadi sewaktu penyembuhan dan mukizat terjadi di gereja. Kuasa Tuhan akan menguatkan kita untuk menderita bagi Injil tanpa perasaan malu.

## BAB 3

### MOHONLAH KEPADA ORANG-ORANG YANG DAPAT DIPERCAYAI (2 Timotius 1:11-2:2)

#### Sesi Ini Bertujuan Menolong Pelajar-Pelajar:

1. Memahami penderitaan rasul Paulus sebagai guru Injil.
2. Diilham oleh kesaksian Paulus untuk menjaga Injil tanpa mengira situasi.
3. Belajar daripada sikap Onesiforus yang tidak malu akan Paulus atau Injil.
4. Memahami apa yang dipertanggungjawabkan kepada Timotius.
5. Sifat yang harus ada pada Timotius dan apa yang harus ada pada kita.

#### Penerapan

1. Untuk mengikut teladan Paulus yang tidak malu akan Injil.
2. Untuk menjadi orang yang boleh dipercayakan Injil seperti Timotius.
3. Untuk memperoleh kasih karunia untuk berdiri bagi Injil.
4. Untuk menyelidiki sudut mana dalam kehidupan mereka mesti diperbaiki demi Injil.

#### Soalan Untuk Interaksi

Bagaimanakah anda boleh menjadi seorang yang dipercayakan Injil?

#### Jawapan Sesi

**Soalan 1** Paulus telah menderita sebagai guru Injil. Dia pernah dipenjarakan dan kini dia dipenjarakan lagi. Kemungkinannya untuk dilepaskan semakin tipis dan hukuman mati menjelang. Selain itu, dia pernah menderita kelaparan, kapalnyanya pernah terkandas dan teman-teman pelayanannya pernah meninggalkannya dan malah ada yang bermusuhan dan bersaing dengan dia tanpa sebab.

**Soalan 2** Dia menceritakan ini agar Timotius boleh mengikut teladannya untuk berdiri teguh dan tidak malu akan Injil. Timotius yang muda dan bersifat penakut mungkin akan merasa malu pada saat ini apabila dia melihat keganasan musuh dan rakan-rakan lain yang tidak setia.

**Soalan 3** Paulus begitu yakin bahawa Tuhan akan menjaga pelayanannya dan juga Injil. Dia juga percaya bahawa segala yang dipercayakannya kepada Tuhan tetap akan dipeliharanya (Injil mahupun pengikut-pengikutnya) sampai Hari Tuhan.

#### Soalan 4

- a. Peganglah segala sesuatu yang telah engkau dengar daripadaku dan lakukanlah itu dalam iman dan kasih Kristus Yesus. (2 Timotius 1:13)
- b. Peliharalah harta yang indah. (2 Timotius 1:14)
- c. Jadilah kuat oleh kasih karunia dalam Kristus Yesus. (2 Timotius 2:1)
- d. Percayakanlah itu kepada orang-orang yang dapat dipercayai. (2 Timotius 2:2)

**Soalan 5** Injil sering diserang dari sudut-sudut ini:

- a. Dalam masyarakat yang berbilang agama, Tuhan Yesus sebagai Jalan, Kebenaran dan Hidup sering ditolak.
- b. Ajaran bahawa Tuhan Yesus tidak mati di kayu salib dan digantikan oleh orang yang lain.
- c. Kekudusan yang ditegaskan dalam Alkitab seperti kesucian, menjauhkan seks sebelum pernikahan, seks sejenis, seks rambang, kumpul kebo dan pengguguran bayi sering ditolak.

**Soalan 6** Generasi yang akan meneruskan Injil mestilah orang yang setia dan dapat dipercayai. (2 Timotius 2:2)

**Soalan 7** Siapakah yang boleh dipercayai dan siapa yang tidak boleh dipercayai? (2 Timotius 1:11-2:2)

Jenis Orang	Siapa	Tentang Apa	Bagaimana
Orang-orang yang dapat dipercayai	1. Timotius	Dipercayakan Injil	Imannya yang tulus ikhlas
	2. Orang-orang yang dapat dipercayai	Dipercayakan Injil	Orang yang tidak malu menderita bagi Injil
	3. Onesiforus	memelihara dan mengambil berat tentang Paulus	Dia tidak malu akan rasa Paulus dan berusaha mencarinya di Rom sehingga menemuinya. mengambil berat tentang Paulus
Orang yang tidak dapat dipercayai	Figelus dan Hermogenes	Mereka berpaling daripada rasul Paulus	

**Soalan 8** Berikut ialah beberapa perkara yang dapat kita belajar daripada orang yang dapat dipercayai"

- a) Orang-orang yang dapat dipercayai tidak malu menderita untuk Injil dan menjadi teladan.
- b) Paulus tidak malu menderita untuk Injil kerana dia tahu siapa yang dipercayainya.
- c) Paulus yakin bahawa Tuhan berkuasa memelihara apa yang telah dipercayakan kepadanya hingga pada hari Tuhan. Walaupun dia bekerja keras dan menulis

surat kepada Timotius dan gereja, dia juga beriman bahawa Tuhan dapat memelihara mereka.

- d) Timotius mulai bersaksi tentang Tuhan walaupun dia masih muda namun kadangkala dia merasa takut.
- e) Onesiforus tidak malu akan Injil atau Paulus yang berada di dalam penjara. Dia akan menghadapi pelbagai kesulitan demi mencari Paulus. Masyarakatnya mungkin memandang rendah terhadapnya kerana dia bergaul dengan seorang banduan.

### **Soalan 9**

- a. Jangan malu dan memelihara apa yang dipercayakan-Nya (2 Timotius 1:12)
- b. Pegang kepada segala sesuatu yang telah didengarnya dan lakukannya dalam iman dan kasih Kristus Yesus. (2 Timotius 1:13)
- c. Pelihara harta yang indah (2 Timotius 1:14)
- d. Menjadi kuat oleh kasih karunia dalam Kristus Yesus (2 Timotius 2:1)
- e. Percayakan apa yang telah didengarnya kepada orang-orang yang dapat dipercayai (2 Timotius 2:2)

### **Soalan 10**

- a. Bincang tentang apa yang ditaati mereka dan berusaha memberi kata-kata positif untuk menggalakkan mereka.
- b. Bincang tentang sudut manakah dalam kehidupan yang menunjukkan mereka tidak taat.
- c. Saya tidak akan merasa malu menderita bagi Injil dan akan menjadi teladan bagi orang lain. Saya juga perlu memegang kepada segala yang telah dipelajari oleh saya dan melakukannya dalam iman dan penuh dengan kasih Kristus Yesus. Saya akan memelihara harta yang indah dan menjadi semakin kuat dalam kasih karunia Kristus Yesus. Saya akan mempelajari dan kemudian mengajar firman Tuhan.

## **BAB 4**

### **JENIS ORANG KRISTIAN YANG DAPAT DIPERCAYAI (2 Timotius 2:1-10)**

#### **Sesi Ini Bertujuan Menolong Pelajar-Pelajar:**

1. Memahami betapa seriusnya kehidupan orang yang dipercayakan Injil dan betapa pentingnya memiliki fokus dalam pelayanan dan menjadi kuat dalam Yesus Kristus sekalipun menghadapi penganiayaan.
2. Memahami dan meneladani sikap tiga perumpamaan ini: perajurit, olahragawan dan petani.
3. Mengikuti teladan Paulus dan menjalani penghidupan yang berkenan kepada komandannya.

4. Diilhamkan oleh teladan Yesus yang rela menderita dan berpegang kepada perjanjian-Nya dengan setia. (2 Timotius 2:8)

### **Penerapan**

1. Untuk menerapkan sifat-sifat tiga perumpamaan yang sangat diperlukan oleh seorang pelayan Kristus.
2. Untuk mengikut contoh kehidupan Paulus dan Tuhan Yesus sebagai pelayan Tuhan.
3. Untuk rela menderita bagi Kristus sewaktu menghadapi cabaran dan penderitaan sewaktu memberitakan Injil.
4. Untuk berjuang dengan berjaya dalam Injil dengan menerapkan peraturan dan kebenaran daripada tiga perumpamaan ini.

### **Jawapan-Jawapan**

#### **Sikap Perajurit Yang Baik-Perumpamaan**

##### **Soalan 1**

- a. Paulus ingin Timotius berdiri kuat dalam anugerah Kristus Yesus dan tidak bersandar pada kekuatan sendiri. Tuhan Yesus akan memberi dia kekuatan untuk menjaga Injil dan tidak malu akannya. Walaupun Timotius tidak begitu berani, Tuhan Yesus akan memberi dirinya kekuatan. (2 Timotius 2:1)
- b. Timotius perlu mendengar nasihat rasul Paulus ini kerana dia mungkin merasa seperti mahu angkat tangan kerana penganiayaan dan pemenjaraan bapa rohaninya dan dia perlu jadi kuat dalam kasih karunia Kristus Yesus.

**Soalan 2** Perintah dalam 2 Timotius 2:2 merupakan perintah berani pada saat itu kerana rasul Paulus telah dipenjarakan kerana mengajar Injil dan Timotius mengetahui bahawa pengajaran Injil akan menyebabkan penderitaan. Pengajaran Injil yang lebih giat dan usaha memberi baton ini kepada orang yang setia mungkin akan mengakibatkan lebih banyak penganiayaan. Biasanya orang akan menunduk kepada pemerintah dan tidak terlalu giat dengan Injil lagi. Tambahan, Raja Nero pada waktu itu menganiaya orang Kristian.

##### **Soalan 3**

- a. Seorang perajurit Yesus Kristus harus rela menderita. (2 Timotius 2:3)
- b. Seorang perajurit berjuang dengan sepenuh hati dan tidak menyusahkan diri dengan soal-soal kehidupannya dan dia memasikan dirinya sedang menggembirakan hati komandannya. (2 Timotius 2:4)
- c. Dia harus memperjuangkan perjuangan yang baik. (1 Timotius 1:18; 6:12)
- d. Dia juga akan berjuang hingga ke garis yang terakhir. (2 Timotius 4:7)

**Soalan 4** Paulus telah menjadi teladan yang baik kerana dia sanggup menderita demi Injil dan tidak malu dibelenggu seperti seorang penjahat dalam penjara demi Injil. Di dalam penjara, dia masih memikirkan masa depan Injil. (2 Timotius 2:9)

**Soalan 5**

- Seorang perajurit Kristus Yesus memberi fokus kepada tugas yang dipercayakan oleh Tuhan, tahan menderita segala cabaran dan berjuang dengan beriman dan hati nurani yang murni. (1 Timotius 1:18)
- Kita perlu menyedari bahawa arena perjuangan kita bukan hanya melawan darah dan daging tetapi melawan pemerintah-pemerintah, melawan penguasa-penguasa, penghulu-penghulu dunia yang gelap, dan roh-roh yang jahat di udara. (Efesus 6:12)

**Soalan 6**

- Saya akan selalu bersiap sedia untuk menderita bagi Tuhan seperti perajurit yang baik. (2 Timotius 2:3)
- Saya akan berusaha berlari dengan ringan dan segala hal yang tidak penting tidak akan membuat saya tersandung. (2 Timotius 2:4)
- Berjuang setiap masa dengan hati nurai yang murni. Sewaktu berjuang saya akan selalu teringat panggilan saya. (1 Timotius 1:8)
- Saya akan berjuang hingga ke garis terakhir dengan iman saya terpelihara. (2 Tim 4:7)

**Sikap Olahragawan (Perumpamaan 2)**

**Soalan 7** Apabila seorang olahragawan bertanding, dia harus menurut peraturan-peraturan olahraga, dan memberi dirinya untuk latihan, baru dia akan mendapat mahkotanya.

**Soalan 8** Dengan demikian juga, kita harus menurut teladan Tuhan, firman harus menjadi pedoman kita, dan kita tidak boleh mencairkan firman Tuhan (berkompromi) dan membelit-belit kebenaran Tuhan menurut kesukaan dan motivasi sendiri.

**Soalan 9**

- Kita harus menguasai diri (1 Korintus 9:24-27).
- Kita harus bertanding dengan serius dan menanggalkan segala dosa dan beban yang akan menghalangi pertandingan kita. (Ibrani 12:1-2)

**Soalan 10** Saya masih perlu tekun menjalani latihan yang berguna untuk pelayanan, memberi diri kita untuk didisiplin dan berjuang dengan tekun. Orang Kristian yang bertanding dengan setia akan menerima mahkotanya.

**Sikap Petani (Perumpamaan 3)**

**Soalan 11** Baca 2 Timotius 2:6

- Ya, saya pernah menemani seorang petani ke ladang dan saya tahu seorang petani mesti bekerja keras. Dia mesti menabur, membajak, mencabut lalang, menyirami dan membajai tanamannya.
- Pekerja yang rajin bekerja di ladang Tuhan akan menikmati buah penginjilannya

- seperti pertaubatan orang yang lain, pertumbuhan orang yang diajarinya mahupun kedewasaan dan kekudusan sendiri.
- Peserta diberi waktu untuk berkongsi sama ada mereka telah bekerja seperti seorang petani yang rajin menabur, membajak dan menyirami ladang. Kalau peserta anda menyedari bahawa mereka berat tulang, ajak mereka untuk lebih rajin menginjili teman-teman mereka dan sanak saudara mereka.

**Soalan 12** Tuhan Yesus yang Maha Kuasa juga menderita sehingga mati di kayu salib tetapi Dia dibangkitkan (2 Timotius 2:8). Firman Tuhan sangat berkuasa. Sekalipun seorang pemberita dibelenggu, firman-Nya tidak akan terbelenggu. (2 Timotius 2:9) Paulus rela menderita demi orang pilihan agar mereka menerima penyelamatan Allah yang kekal. Kefahaman ini telah mendorong rasul Paulus sehingga dia tidak kisah menderita di tengah-tengah penganiayaan dan pemenjaraan. (2 Timotius 2:10)

## BAB 5

### SEORANG PEKERJA YANG DISUKAI ALLAH (2 Timotius 2:11-18)

**Sesi Ini Bertujuan Menolong Pelajar-Pelajar:**

- Memupuk kesetiaan terhadap Tuhan serta sedia menderita dan berdiri teguh demi kebenaran Firman-Nya.
- Memahami akibat orang yang menyangkal Tuhan dan tidak setia kepada Tuhan.
- Mempelajari perbezaan seorang guru yang setia kepada firman Tuhan dan yang menyeleweng dari firman-Nya.
- Memikirkan bagaimana pengajaran palsu boleh merosakkan iman gereja pada zaman kini.
- Memahami beberapa ciri ajaran palsu dan tidak menurut guru-guru ajaran palsu.

**Penerapan**

- Untuk menyelidiki keikhlasan diri untuk mati bersama Tuhan Yesus dan sudut manakah dalam kehidupan mereka yang masih belum mati.
- Untuk mengusahakan diri sebagai pekerja yang diakui Allah dan tidak perlu merasa malu.
- Untuk mempelajari ciri-ciri ajaran-ajaran palsu di gereja kini.
- Untuk mempelajari bagaimana mereka harus bersikap dan bertindak terhadap ajaran-ajaran palsu.

**Soalan Interaksi:** Pernah anda mengenal seorang pekerja Allah yang dikatakan mempunyai teladan hamba Tuhan yang cemerlang? Apakah ciri-ciri khasnya yang telah anda perhatikan?

**(2 Timotius 2:11-18)**

**Soalan 1** Pelajaran dan Amaran

- Jika kita mati dengan Dia, kita pun akan hidup bersama Dia.

- b. Jika kita bertekun, kita akan ikut memerintah bersama Dia.
- c. Jika kita menyangkal Dia, Dia pun akan menyangkal kita.
- d. Jika kita tidak setia, Dia tetap setia, kerana Dia tidak dapat menyangkal diri-Nya.

### **Soalan 2**

- a. Galakkan peserta-peserta anda berbincang dari segi apa yang mereka sudah mati dan yang belum mati. Hal-hal yang belum mati ialah perkara-perkara yang tidak menurut cara kehidupan yang diinginkan oleh Tuhan.
- b. Biar peserta mengambil sejenak untuk memikirkan jawapan mereka.
- c. Biar peserta anda menulis dan kemudian berkongsi dengan kelompok.
- d. Kalau kita tidak beriman dan tidak mempercayai Kristus serta tidak rela menderita bersama dengan Dia dan akhirnya menyangkal Tuhan, Dia juga akan menyangkal kita. Kalau kita beriman dan rela menderita di tengah-tengah penganiayaan, kita akan memerintah bersama-Nya. Kalau kita lemah dalam iman, kita mesti berusaha menguatkan iman dan kembali kuat dalam kasih dan anugerah Tuhan. Kita tidak membiarkan satu aspek kelemahan dalam kehidupan kita merebak ke yang lain sehingga kita melarat dalam iman kita. (2 Timotius 2: 11-13)

### **Sikap Pekerja – Perumpamaan IV (2 Timotius 2: 14-16)**

**Soalan 3** Seorang pekerja yang disukai oleh Tuhan akan berterus terang memberitakan kebenaran dan tidak malu bersabda melawan ajaran-ajaran palsu. Guru-guru palsu yang menganut agama gnostik telah membelit-belit perkataan-perkataan mereka untuk mengelirukan pendengarnya. Perkataan-perkataan mereka yang membelit-belit telah menyesat umat Tuhan. (2 Timotius 2:14,18)

**Soalan 4** Seorang pekerja yang tidak baik akan berselindung di sebalik perkataan mereka (2 Timotius 2:14) dan ajaran mereka yang kosong itu akan mendatangkan kejahatan dan tidak membangun tubuh Kristus dan tidak mendatangkan kesucian. (2 Timotius 2:16)

**Soalan 5** Seorang pekerja yang baik berusaha supaya layak di hadapan Allah sebagai pekerja yang tidak usah malu, yang berterus terang memberitakan kebenaran. (2 Timotius 2:14-18) Seorang pekerja yang baik menyelidiki Firman Tuhan dengan lurus. Sementara seorang pekerja yang tidak baik menyeleweng kebenaran dan suka bersilat kata.

**Soalan 6** Seorang pekerja yang baik bertungkus lumus mengkaji Firman Tuhan, memberitakan Firman dengan tepat serta menerapkan Firman Tuhan dalam kehidupan mereka dan menjadi teladan. Dia akan membangkitkan iman orang yang percaya dan tidak akan menghancurkan iman dengan ajaran yang tidak tepat. (2 Timotius 2:15)

**Soalan 7** Ciri-ciri ajaran palsu yang timbul pada masa itu ialah:

- a. Ajaran-ajaran palsu timbul daripada anggota-anggota gereja iaitu ajaran

bahawa kebangkitan sudah terjadi dan dengan demikian merosakkan dasar iman orang yang percaya kerana kalau kebangkitan sudah terjadi mereka tidak perlu khawatir hidup untuk Hari Tuhan. Selain itu, mereka terpesong daripada kebenaran. (2 Timotius 2:16-19)

- b. Bertengkar atas perkara-perkara yang tidak penting atau bersilat kata yang akan menyeleweng mereka daripada fokus pada Tuhan dan Injil. (2 Timotius 2:14, 23)
- c. Mengajar orang untuk menjadi tidak kudus. (2 Timotius 2:16)

**Soalan 8** Paulus menganggap hal ini dengan sangat berat kerana ia akan menyebabkan orang menjadi semakin tidak suci dan menambahkan kefasikan (2 Timotius 2:16). Ajaran-ajaran palsu ini juga merebak seperti kanker dan menyebabkan iman jemaah tertentu terbinasa. (2 Timotius 2:18) Paulus juga memandang orang yang merebak ajaran-ajaran palsu ini sebagai orang yang terjebak iblis. (2 Timotius 2:26)

**Soalan 9** Kalau kebangkitan sudah terjadi secara rohani dan kebangkitan secara jasmani tidak terjadi, apakah gunanya percaya kepada Tuhan Yesus? Ini bererti Dia juga tidak ada kuasa untuk mengalahkan maut dan tidak ada masa depan sama sekali. Ajaran ini juga menyebabkan umat Tuhan tidak lagi mementingkan iman mereka atau kedatangan Kristus yang kedua kali kerana mereka tidak akan dibangkitkan. Mereka tidak akan hidup suci, dan menghadapi penganiayaan demi iman mereka.

**Soalan 10** Ciri-ciri ajaran palsu:-

- a. Ajaran sesat menafikan Alkitab ialah satu-satunya sumber kebenaran.
- b. Mereka menyangkal ketuhanan Kristus Yesus dan menggantikannya dengan Mesias yang lain.
- c. Mereka menolak Tritunggal Allah dan karya penebusan Kristus Yesus.
- d. Menolak penyelamatan melalui anugerah dan percaya manusia didamaikan dengan Allah melalui perbuatan baik.
- e. Mengumumkan ajaran mereka adalah satu-satunya yang betul dan semua gereja lain salah.
- f. Hanya tulisan-tulisan pemimpin-pemimpin mereka yang memiliki kewibawaan terunggul.
- g. Menyamakan Allah dengan ciptaan dan jagat raya. Terlibat dalam pemujaan dewa-dewa dan roh-roh dari alam walaupun melafazkan kepercayaan kepada Tuhan Yesus.
- h. Mementingkan kemakmuran dan kekayaan sehingga anggotanya terbuai dengan memberi dan menderma dan mereka mendapat keuntungan yang lebih banyak demi kepentingan sendiri.
- i. Kehidupan dan keperibadian pemimpin mereka penuh dengan tanda tanya dan tidak suci.
- j. Kita selalu tertarik dengan guru-guru yang boleh melakukan mukzizat, bernubuat,

mengusir iblis tetapi kita mesti memperhatikan ajaran mereka serta keperibadian mereka.

k. Anggota gereja mungkin terlibat dalam kuasa sihir dan bomoh.

**Soalan 11** Seandainya ajaran-ajaran palsu mengancam gereja kita, hal ini tidak boleh dianggap remeh kerana ia akan merebak dengan cepat sehingga seluruh jemaah terjangkit. Kepemimpinan gereja harus menghadapi orang-orang yang menyebarkan ajaran palsu dan menjelaskan Injil yang sejati dan memberi mereka peluang untuk mengubah pendirian mereka. Kalau kejadian ini hanya terjadi kepada seorang anggota jemaah yang keliru dengan doktrin tertentu, maka orang Kristian yang dewasa boleh mengajarnya. Kita perlu memperbaiki doktrin mereka dengan sikap lemah lembut dan dalam sikap doa.

## BAB 6

### BEKAS YANG BERSIH (2 Timotius 2:19-26)

#### **Sesi Ini Bertujuan Menolong Pelajar-Pelajar:**

1. Mengetahui hal-hal yang harus dimiliki oleh seorang hamba Tuhan agar dipandang layak untuk dipakai oleh Tuhan
2. Memahami orang Kristian yang sejati dan yang bukan sejati melalui perbandingan dua jenis bekas dan penggunaannya.
3. Memahami tentang pengorbanan yang harus dibayar agar dipandang layak oleh Tuhan.
4. Memahami betapa penting menyampaikan ajaran benar dan menentang ajaran palsu.

#### **Penerapan Sesi Ini**

1. Untuk memahami sifat-sifat yang harus dielakkan dan dikerat oleh orang Kristian.
2. Untuk memahami perkara apakah yang harus saya kejar dan diusahakan untuk menjadi bekas mulia.
3. Untuk memupuk keperibadian seorang hamba Tuhan yang berkenan kepada Tuhan.

#### **Soalan Interaksi**

Pernahkah anda membawa diri anda ke hadirat Tuhan dan menanyakan-Nya tentang perkara yang harus anda perbaiki dalam kehidupan anda?

#### **Jawapan-Jawapan**

**Soalan 1** Kebenaran Tuhan akan berdiri kukuh. Meterai-Nya ialah Tuhan mengenal siapa kepunyaan-Nya dan siapa yang menyeleweng dan tidak berdiri di atas kebenaran-Nya. (2 Timotius 2:19)

**Soalan 2** Tuhan tidak mengenal orang yang bernubuat, mengadakan banyak

mukjizat demi nama Tuhan tetapi tidak melakukan firman Tuhan. Untuk orang-orang yang melakukan banyak mukjizat tetapi tidak pernah menurut Firman Tuhan akan disingkirkan Tuhan pada akhir zaman. (Matius 7:21-23; 2 Timotius 2:19)

**Soalan 3** Mereka adalah orang yang bernubuat demi nama Tuhan, mengusir iblis demi nama Tuhan, mengadakan mukjizat demi nama Tuhan tetapi mereka mendengar Firman Tuhan dan tidak melakukannya. Mereka mungkin melakukannya demi kemuliaan diri atau kewangan diri.

**Soalan 4** 2 Timotius 2:19, 20 mengibaratkan gereja seperti rumah besar.

**Soalan 5** Emas, perak, tanah, kristal, batu, plastik, kertas, dan kaca ialah pelbagai bahan yang boleh dipakai untuk membuat bekas di rumah besar. Di sini, Paulus berusaha menunjukkan pelbagai jenis orang, ada yang baik dan ada yang tidak baik. Timotius mesti berusaha untuk menjadi bekas yang mulia dan bersih.

**Soalan 6** Bekas yang bersih digunakan untuk yang mulia dan yang tidak bersih untuk maksud yang kurang mulia. Dalam ayat ini hal-hal yang jahat bererti tidak menguasai diri dalam kehidupan, tidak menjunjung ketepatan Firman Tuhan dalam ajaran dan tidak membangun iman jemaah sebaliknya mengusutkan iman orang lain, suka bertengkar, dan mencari soal-soal yang bodoh. (2 Timotius 2:20,21).

**Soalan 7** Untuk menjadi bersih:

- a. kita harus menjauhkan diri daripada pergaulan yang merosakkan kebiasaan kita yang baik. (1 Korintus 15:33).
- b. tetap tenang melakukan pekerjaan dan mencari makanan sendiri (2 Tesalonika 3:12) serta tidak jemu-jemu berbuat baik. (2 Tesalonika 3:13)
- c. 2 Timotius 2:14-18; 22-23
  - Jangan bermain atau bersilat kata. (2 Timotius 2:14)
  - Berterus terang memberitakan kebenaran. (2 Timotius 2:15)
  - Hindari omongan kosong dan yang tidak suci. (2 Timotius 2:16)
  - Meninggalkan kejahatan (2 Timotius 2:19)
  - Jauhi nafsu orang muda, kejar keadilan, kesetiaan, kasih dan damai (2 Timotius 2:22)
  - Hindari soal-soal yang dicari-cari, yang bodoh dan tidak berguna (2 Timotius 2:23)

**Soalan 8** Mintalah peserta-peserta anda menulisnya dan berkongsi dengan teman-teman mereka.

**Soalan 9** Orang yang mematuhi firman Tuhan akan menjadi bekas rumah untuk maksud yang mulia. Dia akan dikuduskan, dipandang layak untuk dipakai tuannya dan disiapkan untuk setiap pekerjaan yang mulia. (2 Timotius 2:21)

**Soalan 10** 2 Timotius 2:23-26 mengajar saya bahawa seorang hamba Tuhan yang berperibadi mulia harus:

- Jauhilah nafsu orang muda, kejarlah keadilan, kesetiaan, kasih dan damai bersama-sama dengan mereka yang berseru kepada Tuhan dengan hati yang murni. (2 Timotius 2:22)
- Hindari soal-soal yang sengaja dicari-cari, yang bodoh dan yang tidak berkenan kepada Tuhan. (2 Timotius 2:23)
- Seorang Tuhan tidak boleh bertengkar tetapi harus bersikap ramah terhadap semua orang. Dia harus mengajar dan bersabar selalu. (2 Timotius 2:24)
- Dia mesti menentang ajaran-ajaran sesat (2 Timotius 2:25)
- Dia harus menuntun orang yang suka melawan dengan lemah lembut agar dia boleh memenangi mereka yang sesat untuk kembali ke pangkal jalan iman mereka. (2 Timotius 2:25)

**Soalan 11** Dalam pelajaran ini saya belajar untuk mengejar keadilan, kesetiaan, kasih dan kedamaian (2 Timotius 2:22). Jadi seorang hamba Tuhan yang tidak suka bertengkar, selalu bersikap ramah terhadap semua orang. Saya mahu mengajar dengan baik dan sabar. (2 Timotius 2:24). Saya akan bersabar dan berlemah lembut serta menuntun orang yang suka melawan. (2:25)

**Soalan 12** Galakkan peserta-peserta anda untuk menyelidiki sudut apakah dalam kehidupan mereka yang perlu bertambah lebih baik. Setelah itu berdoa dengan sungguh-sungguh dalam kelompok anda dan saling menggalakkan sesama untuk bertumbuh sebagai hamba Tuhan.

## BAB 7

### BERPEGANGLAH PADA INJIL (2 Timotius 3:1-17)

#### Sesi Ini Bertujuan Menolong Pelajar-Pelajar:

- Membezakan orang yang hidup patuh kepada Tuhan dan orang yang tidak patuh kepada Tuhan.
- Memahami kepentingan hidup dalam Firman Tuhan pada zaman yang akhir ini
- Cabaran untuk hidup patuh kepada Tuhan sekalipun menghadapi penganiayaan.
- Mengenali ciri-ciri orang yang patuh kepada Tuhan dan orang yang tidak patuh kepada Tuhan.

#### Penerapan Sesi Ini

- Untuk mengenalpasti sifat-sifat dalam diri mereka yang tidak memancarkan ciri orang yang hidup patuh kepada Tuhan.
- Untuk terus melengkapi diri dengan Firman Tuhan agar hidup patuh kepada Tuhan.
- Untuk menolong jemaah gereja bertumbuh sebagai orang yang patuh kepada Tuhan.

#### Soalan Interaksi

Pernahkah anda tertarik dengan seseorang yang sungguh rohani tetapi setelah mengenal dia, baru anda sedar bahawa dia hanya bersembunyi di sebalik topeng kerohaniannya? Jelaskan pengalaman anda.

#### Jawapan-Jawapan

**Soalan 1** Kelakuan orang yang tidak taat pada akhir zaman yang tidak boleh diikuti oleh orang yang taat kepada Tuhan:

- Mereka akan mencintai diri sendiri dan menjadi hamba wang, menyombong diri, menjadi pemfitnah, menjadi pemberontak terhadap orang tua dan tidak tahu berterima kasih dan tidak mepedulikan iman mereka. (2 Timotius 3:2)
- Mereka tidak tahu mengasihi, tidak mahu berdamai, suka menghina orang, tidak dapat mengekang diri, garang, tidak suka yang baik. (2 Timotius 3:3)
- Mereka suka mengkhianat, tidak berfikir panjang, berlagak tahu tetapi lebih menurut hawa nafsu daripada menurut Tuhan. (2 Timotius 3:4)
- Secara lahiriah mereka menjalankan ibadah mereka tetapi pada hakikatnya mereka memungkir kekuatan-Nya. (2 Timotius 3:5)
- Mereka menyeludup ke rumah orang lain dan menjerat perempuan-perempuan lemah. (2 Timotius 3:6)
- Mereka menentang kebenaran, akal mereka sudah rosak, dan iman mereka tidak tahan uji. (2 Timotius 3:8)
- Kebodohan mereka pun akan diketahui semua orang. (2 Timotius 3:9)
- Mereka menjadi orang yang jahat, penipu yang menyesatkan dan juga disesatkan. (2 Timotius 3:13)

#### Soalan 2 2 Timotius 2:2-4

- |  |   |
|--|---|
| a. mencintai orang lain  | j. suka menggalakkan orang lain         |
| b. menjadi hamba Tuhan   | k. menguasai diri                       |
| c. rendah hati   | l. baik hati                            |
| d. jujur dan tidak pernah menyalahgunakan mulut                          | m. suka yang baik dan indah             |
| e. mengasihi ibu bapa mereka   | n. setia                                |
| f. selalu berterima kasih kepada Tuhan dan manusia yang baik terhadapnya | o. berfikir sebelum bercakap            |
| g. menjunjung Tuhan dan firman-Nya                                       | p. rendah hati dan selalu belajar lebih |
| h. mengasihi Tuhan, diri dan manusia                                     |   |
| i. pembawa damai   |   |

**Soalan 3** Galakkan peserta-peserta anda untuk menjelaskan sudut mana dalam kehidupan mereka yang masih tidak patuh/taat kepada Tuhan dan bagaimana mereka dapat mengubahnya.

**Soalan 4** Orang ini kelihatan seperti pencinta Tuhan. Mereka akan melakukan apa yang dilakukan oleh orang Kristian. Mereka mungkin beribadah dengan

persembahan dan banyak berdoa di gereja tetapi ibadah mereka tidak semestinya sejati. Mereka tidak akan tahan menghadapi penderitaan dan penganiayaan. Mereka tidak ada kuasa dan kerelaan untuk mengambil bahagian dalam penderitaan Kristus. (2 Timotius 3:5)

#### **Soalan 5**

- Mereka adalah guru-guru palsu yang menyamar dan menggoda wanita. Guru-guru ini disamakan dengan dua ahli sihir Yanes dan Yambres yang mengajar bertentangan dengan kebenaran pada zaman Musa. Mereka juga bertindak berdasarkan kejahatan bukan kebenaran. (2 Timotius 3:6-9)
- Orang yang menentang kebenaran dikuasai oleh pelbagai nafsu, akal mereka rosak dan iman mereka tidak tahan uji. (2 Timotius 3:2-5)
- Pastor dan guru-guru yang tidak berkhutbah berdasarkan Alkitab tetapi memutarbelit Alkitab untuk mencapai cita-cita sendiri tergolong sebagai yang tidak patuh kepada Tuhan atau firman-Nya. Mereka mungkin juga orang Kristian yang bersikap rohani tetapi tidak mempunyai kehidupan rohani yang benar.
- Mereka lebih mementingkan diri sendiri dan nafsu sendiri lebih daripada membangun iman jemaah dengan tulus dan menurut Firman Tuhan dengan tepat.

**Soalan 6** Timotius dan orang-orang yang menghadapi penganiayaan harus menyedari bahawa iman kita akan semakin bertumbuh di tengah-tengah penganiayaan dan pengajian Alkitab yang sungguh-sungguh akan menguatkan mereka. (2 Timotius 3:9)

#### **Soalan 7**

- A. Timotius mengetahui hal-hal berikut:-
- Dia mengetahui cara hidup, pendirian, iman, kesabaran, kasih dan ketekunan Paulus. (2 Timotius 3:10)
  - Paulus pernah menderita semua penganiayaan itu dan Tuhan telah melepaskan Paulus di Antiokhia, Ikonium dan Listra. (2 Timotius 3:11)
  - Kebenaran yang diterima dan diyakininya. (2 Timotius 3:14)
- B. Setiap orang yang ingin hidup setia kepada Tuhan akan menderita penganiayaan. Tuhan Yesus sendiri sudah mengalami penganiayaan dan mereka yang mengikut-Nya juga akan turut menderita penganiayaan. Timotius harus selalu mengingat akan teladan rasul Paulus yang banyak menderita. Dia juga boleh mengingat Tuhan Yesus dan rasul-rasul lain yang banyak menderita untuk iman mereka. (2 Timotius 3:11-13; Matius 5:11)
- C. Timotius harus terus berpegang pada kebenaran yang diterimanya dan tidak mencipta ajaran yang baru atau Injil yang lain seperti guru-guru palsu. (2 Timotius 3:14)

**Soalan 8** Paulus menerapkan apa yang dikhutbahkan oleh dirinya. Ajarannya, kehidupannya, cara kehidupannya, tujuan kehidupannya dan imannya semua didasari pada firman Tuhan. Kesabarannya, kasihnya dan kecekalannya menjelaskan iman murninya dan kesetiannya kepada Tuhan. Orang-orang yang tidak setia mengasihi diri sendiri, tidak takut mengajar doktrin salah, cinta wang sahaja dan tidak sanggup menderita. (2 Timotius 2:10-11)

## **BAB 8**

### **FIRMAN TUHAN (2 Timotius 3:15-17)**

#### **Sesi Ini Bertujuan Menolong Pelajar-Pelajar:**

- Memahami bahawa Firman Tuhan diilhamkan oleh Tuhan
- Memahami nilai Firman Tuhan dalam kehidupan mereka
- Memahami kenapa seorang pengikut mesti diperlengkapi dengan Firman Tuhan
- Memahami bagaimana mereka mesti hidup berbeza daripada mereka yang tidak mengenal Firman Tuhan
- Memahami cabaran mematuhi Firman Tuhan pada akhir zaman

#### **Penerapan**

- Apakah Firman Allah mendapat tempat pertama dalam kehidupan saya?
- Apakah yang harus saya lakukan jika saya mahu melayani Tuhan?
- Adakah tujuan muktamad firman Tuhan berkembang dengan baik dan mendapat hasil yang baik dalam pelayanan saya?

#### **Soalan Interaksi**

Apakah firman Tuhan sudah mengubah kehidupan anda dan adakah anda menggunakan firman Tuhan untuk menolong orang lain mengubah kehidupan mereka?

#### **Jawapan-Jawapan**

##### **Soalan 1**

- Segala Firman Allah yang tertulis diilhamkan oleh Allah. (2 Timotius 3:16)  
Jelaskan kepada pelajar-pelajar anda bahawa diilhamkan dalam bahasa Yunani 'theopneustos' terdiri daripada perkataan "theo" yang bererti "Allah" dan pneustos merujuk kepada menafas, meniup atau mengutus Roh kepada seseorang. Dalam Alkitab nafas, angin atau Roh Allah berkaitan erat dengan Firman-Nya yang mencipta dan tulisan yang terilham (Kejadian 1:2-3, 1 Raja-Raja 19:11-13, Kisah Rasul 2:1-4). Apabila Allah menafas Roh-Nya kepada para nabi, mereka akan bernubuat dan menulis Firman Allah. Tuhan tidak mengambil alih fikiran mereka atau kehendak mereka tetapi mengilhami mereka untuk bersabda kebenaran-Nya.

- b. Nubuat-nubuat dalam Alkitab itu dituliskan dan disabdakan oleh nabi-nabi yang berada di bawah dorongan Roh Kudus. (2 Petrus 1:20-21)

### **Soalan 2**

A. Kanon Kitab Suci bererti piawaian, ukuran, peraturan dan preskripsi untuk hidup dalam Tuhan. Kanon bererti pengumpulan kitab-kitab yang sah yang telah melalui ujian yang tulen dan sah.

B. Kitab Suci mempunyai 66 buah buku

- Perjanjian Lama-Kristus Yesus akan datang dan menggenapi perjanjian dan nubuat-nubuat yang diberikan oleh nabi-nabi mengenai penyelamatan umat Tuhan dari dosa.
- Perjanjian Baru-Kristus Yesus telah datang untuk menggenapi perjanjian penyelamatan umat manusia dan Dia akan kembali lagi.
- Orang Kristian harus mematuhi Firman Allah dan menerapkannya dalam segala seluk beluk kehidupan mereka kerana Firman Tuhan adalah pelita kaki kita. Kehendak Tuhan untuk corak kehidupan yang berkenan kepada Tuhan dinyatakan dalam Alkitab.

**Soalan 3** Paulus berbeza dengan guru-guru palsu dalam empat hal: ajarannya, gaya hidupnya, tujuan hidupnya dan juga imannya. Paulus bersikap lemah lembut dan sabar terhadap orang namun dia sungguh bertanggungjawab memastikan mereka diajar dan ditunjukkan jalan yang benar seandainya mereka menyeleweng. Guru-guru palsu hanya menyesatkan domba-dombanya. (2 Timotius 3:10-11)

**Soalan 4** Timotius perlu menyedari bahawa pemilihan gaya hidup bererti dia mesti menghadapi penderitaan dan penganiayaan. Penganiayaan dan penderitaan merupakan gaya yang lazim bagi orang Kristian kerana Penyelamat mereka pun dianiaya dan menderita hingga mati di kayu salib. (2 Timotius 3:11, 13)

### **Soalan 5**

- Paulus mengatakan ayat-ayat ini kepada Timotius kerana dia mahu Timotius tetap berpegang pada kebenaran yang telah diterimanya sejak kecil sekalipun di tengah-tengah situasi di mana orang jahat bertambah jahat. Penipu akan bertambah berleluasa dan banyak orang akan menyesatkan dan juga akan disesatkan. Kita harus hidup kudus dan setia kepada Firman Allah apalagi di tengah-tengah dunia yang semakin jahat.
- Dibandingkan dengan tulisan-tulisan lain yang diajari oleh guru-guru palsu, Alkitab memberi pengertian tentang bagaimana kita boleh memperoleh penyelamatan dalam Kristus Yesus sementara ajaran palsu menyesatkan dan merosakkan iman yang murni. (2 Timotius 3:15)
- Kitab Suci bermanfaat untuk mengajar, menyatakan kesalahan, memperbaiki kelakuan dan mendidik orang dalam kebenaran. (2 Timotius 3:16)
- Orang yang mengabdikan diri untuk melayani Tuhan harus diperlengkapi dengan Firman Allah yang boleh membawa perubahan dalam kehidupan mereka dan

kehidupan orang lain.

- Kita belajar Firman Tuhan untuk membimbing diri kita sendiri dan Firman Tuhan boleh menegakkan kebenaran dalam kehidupan kita, menyatakan kesalahan kita, dan memperbaiki kelakuan kita. Jika kita ingin menolong orang lain, kita mesti dibekali dengan Firman Tuhan.

### **Soalan 6**

- Mengajar (2 Timotius 1:13)-Timotius diminta berpegang pada ajaran Paulus iaitu contoh ajaran yang sihat; Pekerja yang menggunakan Firman Tuhan dengan tepat. (2 Timotius 2:15)
  - Untuk menyatakan kesalahan - (2 Timotius 2:14) Ingatkanlah dan pesankanlah semua agar mereka jangan bersilat kata.
  - Untuk menyatakan kebenaran - (2 Timotius 2:15). Seorang hamba Tuhan akan berusaha layak di hadapan Allah dan berterus terang menyatakan kebenaran..
  - Untuk mendidik dalam kebenaran - (2 Timotius 2:2)  
Apa yang diterima oleh Timotius harus dipercayakan kepada orang yang boleh dipercayai dan yang cekap mengajar orang lain.
- II. Dalam pelayanan kita, kita harus selalu mengajar dan melatih untuk membimbing orang dan juga membangun tubuh Kristus. Menyatakan kesalahan tidak boleh ditakuti kerana tanpanya jemaah akan berjalan ke lorong yang salah dan mempengaruhi yang lain. Menyatakan kesalahan harus disertai dengan usaha memperbaiki kelakuan agar selalu menurut dan patuh kepada Tuhan. Kelakuan yang baik hanya dapat dibentuk kalau kita selalu mendidik jemaah Tuhan dalam kebenaran.

**Soalan 7** 2 Timotius 3:15-17 Contoh: Alkitab dapat memberi saya hikmat serta menuntun saya kepada penyelamatan serta menyatakan kesalahan saya, memperbaiki kelakuan saya serta mendidik saya dalam kebenaran.

**Soalan 8** Timotius harus menggunakan firman Tuhan sebagai pedang terhadap ajaran palsu kerana firman Tuhan berkuasa dan dapat meyakini orang akan kesalahan dan membimbing mereka kembali ke jalan yang benar kalau mereka sudah menyeleweng. Perkataan-perkataan guru-guru palsu hanya bersifat menghibur dan menyenangkan hati para pendengarnya tetapi tidak akan membawa sebarang perubahan.

**Soalan 9** Kita harus mendasari segala pelayanan kita pada firman Tuhan supaya orang tidak hanya mendengar daripada kebijaksanaan kita atau pengalaman kita sahaja dan tidak pernah mendengar daripada Tuhan.

**Soalan 10** Kita harus selalu memasti agar mesej kita tidak selalu menghibur kerana kita tahu Firman Allah berguna untuk mengajar, menyatakan kesalahan, memperbaiki kelakuan dan untuk mendidik dalam kebenaran secara jujur. Kita tidak boleh menitikberatkan satu aspek sahaja kerana kita mahu menyenangkan hati manusia dan tidak menurut Tuhan untuk mengajar Firman Allah yang sihat dan menyeluruh.

## BAB 9

### TELADAN PAULUS (2 Timotius 4:1-22)

#### **Sesi Ini Bertujuan Menolong Pelajar-Pelajar:**

1. Memahami panggilan dan tanggungjawab yang diberikan kepada Timotius untuk memberitakan Injil
2. Memahami teladan Paulus dalam pelayanannya dan cara dia menghadapi cabaran
3. Memahami sikap Paulus sewaktu dikecewakan oleh anggota-anggota gereja
4. Memahami bagaimana mengakhiri satu pertandingan dengan baik

#### **Penerapannya**

1. Untuk mengakhiri pelayanan dengan baik dan penuh kemenangan
2. Untuk memberitakan Firman Tuhan dengan setia
3. Untuk membuat keputusan mengikut teladan rasul Paulus dalam pelayanan

#### **Soalan Interaksi**

Suruh peserta-peserta anda menulis sekalimat ayat untuk memberi definisi erti hidup? (...ada yang berfikir hidup itu seperti satu perjalanan, selalu sibuk membuat rancangan, jatuh tangga tertimpa tangga, makan, tidur, membeli belah, menonton, dan berbahagia... atau seperti yang dikatakan oleh rasul Paulus iaitu satu pertandingan). Gaya hidup manakah yang lebih bererti dan teruja? Melayani Tuhan dan menyertai pertandingan untuk Injil atau hidup untuk diri sendiri?

#### **Jawapan-Jawapan**

##### **Soalan 1**

- a. Setelah membaca 2 Timotius 4, saya sungguh terharu dan bangga akan kerelaan rasul Paulus untuk mati sebagai persembahan kepada Tuhan pada waktu ajalnya semakin mendekat. (2 Timotius 4:6)
- b. Imannya memampukan dia mengharungi begitu banyak cabaran dalam pelayanan pada masa lalu. (2 Timotius 4:7)
- c. Saya dapat menyelami pengharapan dan kebahagiaannya kerana dia akan menerima mahkota segera. (2 Timotius 4:8)

**Soalan 2** Bersiap sedia memberitakan firman pada setiap musim pada waktu yang baik atau tidak baik, serta tegur dan menasihati jemaah dengan penuh kesabaran, ajaran dan kuasailah diri dalam segala hal. (2 Timotius 4:1-8)

**Soalan 3** Pada waktu menghadapi penghakiman, setiap orang mesti mempertanggungjawab apa yang dilakukannya sewaktu hidup. Kehidupannya akan dinilai menurut perbuatan mereka masing-masing. Timotius tidak boleh menganggap pelayanan pemberitaan Injil sebagai sesuatu yang tidak penting kerana dia akan menghadapi Tuhan. Sewaktu kita melayani Tuhan, kita juga melihat jangka masa panjangnya. (2 Timotius 4:1)

**Soalan 4** Saya tahu saya tidak boleh hidup dangkal. Saya mesti berhati-hati dengan cara saya menggunakan waktu saya kerana kehidupan saya akan dinilai oleh Tuhan. Saya akan melihat kehidupan dan pelayanan dari sudut tiga imej untuk menggambarkan kehidupannya: minuman yang dipersembahkan, pertandingan yang baik dan pelarian, pencapaian garis akhir. Pandangan ini akan memampukan saya melayani sekalipun menghadapi cabaran dan penganiayaan yang gentar.

**Soalan 5** Orang pada masa kini tidak suka menerima kebenaran melainkan ajaran kesukaan mereka sekalipun itu dongeng yang dapat memuaskan imaginasi mereka dan telinga mereka. Kita seharusnya hanya dikuasai kebenaran dan menunaikan pekerjaan penginjilan kita walaupun kita menghadapi kesukaran. (2 Timotius 4:3-4)

##### **Soalan 6**

- a. Darah yang dicurahkan (NKJV terjemahkannya sebagai minuman persembahan yang dicurahkan). Dalam Perjanjian Lama, minuman yang terbaik dipersembahkan bersama dengan korban binatang. Paulus menganggap nyawanya sebagai pengorbanan bagi Tuhan untuk Injil-Nya dan dia tidak menyesal walaupun ajalnya mendekat. (2 Timotius 4:6)
- b. Pertandingan yang baik. Seseorang yang bertanding akan memberi semua tenaga dan kemampuannya untuk memenangi pertandingan. Hal ini telah ditunaikan oleh rasul Paulus selama 30 tahun. (2 Timotius 4:7)
- c. Mahkota kebenaran. Paulus tahu segala yang diperjuangkannya tidak sia-sia kerana dia akan menerima mahkotanya daripada Tuhan. (2 Timotius 4:8)

##### **Soalan 7**

- a. Kehidupan rasul Paulus dapat menjadi teladan kepada saya kerana dia tidak mementingkan nyawa sendiri bahkan dia rela dianggap sebagai minuman yang tercurah. Dia juga melihat kehidupan ini sebagai satu pertandingan yang harus diakhiri betapa sulitnya pertandingan itu. (2 Timotius 4:6-7)
- b. Paulus dapat mengakhiri pertandingannya dengan baik kerana Tuhan telah mendampingi dan menguatkan dirinya. Selain itu, rasul Paulus memusatkan perhatiannya pada garis terakhir dalam pertandingan. Dia tidak mengalah kerana dia tahu apa yang akan diperolehnya pada garis akhir dalam pertandingannya untuk Injil dan Tuhan. (2 Timotius 4:16-18)

##### **Soalan 8**

- a. Paulus meminta agar Timotius segera datang kepadanya (2 Timotius 4:9). Dia juga meminta agar Markus juga dibawa oleh Timotius untuk melawatnya (2 Timotius 4:11). Selain itu, Timotius diminta membawa barang-barang peribadinya seperti jubah dan kitab-kitabnya dan kalau boleh mereka harus melawatnya sebelum musim dingin.

- b. Menurut saya, Paulus menyadari kematiannya semakin mendekat dan dia ingin berjumpa dengan anak rohaninya, Timotius yang paling dipercayai dan rakan-rakan kerja yang setia agar dia boleh memberi baton kepada mereka untuk diberikan kepada generasi yang berikutnya.
- c. Lukas tinggal bersama Paulus.
- d. Senarai orang yang diulas oleh rasul Paulus ialah:
  - Demas yang telah mencintai dunia dan meninggalkan Paulus lalu berangkat ke Tesalonika. (2 Timotius 4:10)
  - Kreskes berangkat ke Galatia dan Titus ke Dalmatia
  - Lukas tinggal bersama Paulus dan Markus, pelayanannya penting bagi Paulus. (2 Timotius 4:11)
  - Tikhikus dikirim ke Efesus (2 Timotius 4:12)
  - Alexander, tukang tembaga telah membuat banyak kejahatan terhadap Paulus. (2 Timotius 4:14)
  - Paulus mengirim salam kepada Priska dan Akwila dan keluarga Onesiforus. (2 Timotius 4:19)
  - Eratus yang tinggal di Korintus. (2 Timotius 4:20)
  - Trofimus yang berada di Miletus kerana sakit (2 Timotius 4:20)
  - Ebulus, Pudes, Linus, Klaudia dan semua saudara bersama-sama dengan Paulus mengirim salam kepada Timotius (2 Timotius 4:21)
- e. Paulus menyenaraikan mereka kerana dia akrab dengan setiap pengikutnya namun ada yang berpaling daripadanya dan ada yang berbuat jahat kepadanya sekalipun dia baik terhadap mereka. Di penjara yang sunyi, Paulus mungkin mengingat mereka, berdoa untuk mereka lalu menyebutnya dalam suratnya kepada Timotius. Dia rindu akan mereka dan tahu bahawa mereka dapat melanjutkan pekerjaan Injil untuknya.
- f. Kalau nama saya tersenarai dalam surat Paulus mungkin Paulus juga ingin berjumpa dengan saya dan ingin saya melawatnya kerana saya adalah rakan perjuangannya yang setia memberitakan firman Tuhan tanpa gentar dan malu!

**Soalan 9** Musuh-musuhnya melakukan kejahatan terhadapnya dan menyebarkan ajaran palsu. Sesetengah pengikutnya tinggalkan dirinya untuk dunia namun yang lain masih setia kepadanya. Anggota-anggota gereja tidak memberi cukup dukungan kepadanya sewaktu dia menghadapi pembelaan. Hanya Tuhan yang mendampingiinya sehingga Injil dapat disebarkan kepada orang bukan Yahudi. Paulus hanya bersandar kepada kekuatan, penghiburan dan pelepasan Tuhan. Pada waktu yang sama, dia berdoa hal ini tidak ditanggungkan atas mereka. (2 Timotius 4:16-18)

**Soalan 10** Dorong peserta-peserta anda untuk berbincang tanpa perasaan malu. Peserta-peserta mungkin berbeza pandangan dan mutiara yang diperoleh.